Karya Sumbangsih kepada

YANG BERBAHAGIA

DATU DR. HAJI SANIB HAJI SAID



# DASTAR PATINGGI

Kumpulan Artikel bersempena dengan memperingati Ulang Tahun

## AMANAH KHAIRAT YAYASAN BUDAYA MELAYU SARAWAK

Editor
Arba'iyah Mohd Noor
Azuan Jemat

# DASTAR PATINGGI

Karya Sumbangsih kepada

**YANG BERBAHAGIA**
**DATU DR. HAJI SANIB HAJI SAID**

---

Kumpulan Artikel bersempena dengan memperingati Ulang Tahun

**AMANAH KHAIRAT YAYASAN BUDAYA MELAYU SARAWAK**

Edisi Pertama
Cetakan Pertama 2023
Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak 2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengurus Besar,Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak.

Ketua Editor:
Dr. Arba'iyah Mohd Nor

Editor :
Azuan Bin Jemat

Pereka bentuk kulit buku, reka letak teks dan editing gambar oleh Jeffry Eddy

Diterbitkan oleh
Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak
Rumah Laksamana, Jalan Rodway
93000 Kuching, Sarawak
Tel: 082-239460 / 461
Faks: 082-255731
Emel: akybms@gmail.com
FB: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak
Laman Web: www.melayusarawak.org.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-44246-7-1

Dicetak oleh
InfoGrafik Press Sdn Bhd
Lot 201, No.265, Section 50, Jalan Nipah
Off Jalan Abell Utara
93100 Kuching, Sarawak

# KANDUNGAN

Prakata i

Pendahuluan iii

Biodata Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said xxi

***Perjuangan Anti Serahan dan Kemerdekaan Pergerakan Pemuda Melayu Sibu (PPMS) di Sarawak, 1946-1949*** ***1***
Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali

***Social Structure and Behavioural Pattern of Proboscis Monkey (Nasalis Lavartus) in Sarawak, Malaysia*** ***91***
Profesor Dr. Mohd Tajudin Abdullah, Mohammad Kohdi, Faisal Anuarali Khan

***Mahkota Diraja Brunei: Yang Tersurat dan Tersirat*** ***109***
Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol Bin Haji Mail

***Penyakit dalam Konteks Teks dan Konteks di Borneo-Kalimantan*** ***133***
Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi dan Nasrullah Mappatang

***Populariti Gps: Perspektif Data, Pola Pengundi Dan Persepsi Rakyat*** ***155***
Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi, Dr. Suffian Mansor, Novel Anak Lyndon, Lucy Sebli, Juna Liau, Stanley Bye Kadam dan Dick Lembang Anak Dugun

***Selayang Pandang Beberapa Manuskrip Melayu Sarawak Terpilih*** ***177***
Profesor Madya Dr. Arba'iyah binti Mohd Noor dan Azuan bin Jemat

***Pensejarahan Melayu SeNusantara: Paparan Perebutan Takhta Kesultanan Matan (Kalimantan), Awal Abad ke-18*** ***197***
Dr. Mardiana binti Nordin

***Menelusuri Sejarah Gerakan Komunis di Sarawak sebelum dan selepas Merdeka*** ***227***
Dr. Ho Hui Ling

***Penglibatan Syarikat Barat Dalam Aktiviti Perlombongan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu Sebelum Perang Dunia Kedua*** ***269***
Dr. Suffian Mansor dan Meor Ahmad Irshad bin Meor Ahmad Hisham

*Pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) Di Brunei, Sarawak Dan Sabah Dan Implikasinya Ke Atas Hubungan Dengan Indonesia* *295*
Dr. Habid's Buhigiba bin Mohamad Bustamam

*Wabak Pemurtadan Bahasa dan Wasilah Pemerdekaan Jiwa Bangsa: Arus Sejarah, Aliran Semasa dan Arah Masa Depan* *319*
Dr. Nordi Achie

*Perbandingan Ciri Fonologi dan Kata Leksikal Keluarga Bahasa Hilir Baram* *345*
Prof. Madya Dr. Norazuna Norahim

*Hubungan kekeluargaan antara Bahasa Melayu dan Dialek Melayu Kabong bukti Fonologi* *369*
Dr. Salbia binti Hassan

*Analisi Linguistik dan Pilihan Bahasa Vaie, Bintulu* *393*
Dr. Santrol Abdullah

*Melestarikan Sejarah Lisan: Kajian SK Pulo di Kampung Semarang* *447*
Prof. Madya Dr. Awang Rozaimie bin Awang Shuib

*Usahawan India Muslim Di Sarawak: Retrospektif Sejarah Kontemporari (Ekonomi)* *483*
Prof. Madya Dr. Jati Kesuma

*Fungsi Pegawai Anak Negeri dalam Interaksi Kuasa dan Pengetahuan di Era Pemerintahan Brooke: Satu Tinjauan Awal* *507*
Dr. Sharifah Sophia binti Wan Ahmad dan
Dayang Hajyrayati A. Kassim

*Rumah Tradisional Melayu Sarawak: Seni Bina dan Ruang bercirikan Pengaruh Islam* *531*
Dr. Adibah binti Yusuf

*Suatu Ketika di Lembah Sadong: Interpretasi Pensejarahan Awal Sadong* *555*
Encik Abang Ibrahim bin Abang Ali dan
Cik Dayang Fatin Amira Abang Ibrahim

*Pensejarahan Dastar Raja Negeri-Negeri Melayu Awal (Dastar Sarawak) berdasarkan Catatan Manuskrip di Sarawak: Satu Tinjauan Awal Paparan Dastar pada Awal Abad ke-16* *575*
Encik Azuan bin Jemat

# PRAKATA

DASTAR PATINGGI, Karya Sumbangsih kepada Yang Berbahagia Datu Dr.Haji Sanib Haji Said, Kumpulan Artikel bersempena dengan memperingati Ulang Tahun Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, naskhah julung kali diterbitkan berupa naskhah penulisan ilmiah khususnya ilmu pengetahuan dari negeri Sarawak.

DASTAR PATINGGI merupakan terbitan ilmiah pada tahun 2023 akhirnya dapat direalisasikan semasa sambutan Jubli Mutiara 30 tahun (1993 - 2023) penubuhan Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak (AKYBMS) yang pada suatu ketika dahulu dikenali dengan nama Yayasan Budaya Melayu Sarawak (YBMS). Buku ini mengandungi beberapa artikel-artikel yang memaparkan tentang khazanah warisan ilmuwan tentang Melayu Sarawak. Kupasan artikel-artikel ini menjurus kepada pemaparan tentang bidang ilmu seperti Sejarah, Antropologi, Etnografi, Arkeologi, Sains Sosial dan Politik, Seni Gunaan dan Kreatif, Georgrafi, Kebudayaan dan Kesusasteraan, Pengajian Bahasa dan Linguistik dan pelbagai lagi bidang yang melibatkan dunia Melayu seanteronya.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan dan kajian ilmiah yang berkaitan dengan dunia Melayu khususnya Melayu Sarawak yang harus dimartabatkan secara akademik. Pemilihan nama DASTAR PATINGGI adalah berdasarkan penemuan "*Dastar*" asal di Sarawak yang dinamai Dastar Sarinding Awang Raja Abang Gudam seperti mana yang tercatat dalam naskhah manuskrip jawi yang bertajuk, Syair Tarsilah Ceretera Temenggung Kadir dengan Abang Gudam Negeri Saribas. Penemuan dastar ini membuktikan wujudnya sejarah awal Melayu di Sarawak iaitu Negeri Saribas yang diperintah oleh Temenggong Pangeran Abdul Kadir yang kemudian diteruskan Abang Gudam sebagai raja yang memerintah.

Kesemua artikel ini merupakan hasil kajian tokoh-tokoh akademik serta sarjana tempatan dan luar negara tentang keilmuan Melayu Sarawak

khususnya. Aspek ini sangat penting dalam memaparkan ketamadun Melayu Mahawangsa yang bukan sahaja di tanah Melayu malahan untuk Melayu Sarawak di kepulauan Borneo. Selain itu, penerbitan buku ini diinspirasikan dalam mengiktiraf keilmuwan dan cendiakawan serta sejarawan Yang Berbahagian Datu Dr. Haji Sanib Bin Haji Said yang telah mencurah keabadian dan kebaktian kepada Sarawak Ibu pertiwiku.

Dikesempatan ini, sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan sidang redaksi Bahagian Kebudayaan dan Penyelidikan AKYBMS atas usaha yang jitu dan manpan dalam merealisasikan penerbitan Buku DASTAR PATINGGI ini lebih-lebih lagi sebagai julung pertama kali untuk keluaran buku penerbitan ilmiah. Terima kasih juga diucapkan kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan artikel dalam DASTAR PATINGGI bagi keluaran pertama dan julung kali penerbitan dalam tahun 2023.

Doa dan harapan semoga hasil penulisan dan kajian yang telah dimuatkan ini dapat memberikan ilmu pengetahuan yang berguna kepada para pembaca khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, Terima Kasih.

# PENDAHULUAN

Buku DASTAR PATINGGI di tujukan khas kepada Yang Barbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said serta bersempena dengan memperingati ulang tahun Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak (AKYBMS) yang menyambut sambutan Jubli Mutiara pada tahun 1993 sehingga 2023. Besar harapan ini digulungan dan dijunjung setingginya oleh Bahagian Kebudayaan dan Penyelidikan AKYBMS bersama rakan seperjuangan dan akademik sebagai tanda menghargai sumbangan intelektual dan kepimpinan yang telah diberikan dalam memartabatakan keilmuan serta perjungan membela bangsa Melayu di Sarawak. Keabdian beliau dalam berbakti turut dicurahkan kepada negeri Sarawak dan negara Malaysia untuk tempoh selagi hayat dikandung badan. Ketokohan, Kepimpinan dan Cendiakawan beliau sememangnya telah diakui oleh ilmuwan dan sarjana tempatan dan luar negara. Perjuangan dalam membela bangsa Melayu sememangan dirasai dalam sanubari hati anak bangsa khususnya Melayu Sarawak. Kesemua ini dibuktikan, beliau sentiasa menjadi pakar rujuk utama dalam hal yang berkaitan dengan sejarah Sarawak, khasnya isu-isu yang berkaitan dengan sejarah negeri-negeri Melayu awal di Sarawak serta kajian politik di Sarawak dari tahun 1946 – 1963. Bertepatanlah, khidmat bakti yang ditumpahkan oleh beliau ini akan terus menjadi catatan abadi yang dikenang merentas zaman dan masa.

Diperingkat Akademik di Malaysia, usaha murni untuk memberi pentauliahan dan penghormatan kepada tokoh akademik dalam bentuk penerbitan buku untuk mengiktiraf martabat keilmuwan tokoh tersebut telah menjadi satu amalan tradisi. Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu yang menjunjung ketinggian adab dan kesopanan turut berusaha amalan mengiktiraf tokoh akademik, pejuang bangsa agar terus dikenang dan diingat sepanjang zaman. Pengiktirafan yang diberikan oleh para sarjana dalam dan luar negeri terhadap keintelektualan dan kepimpinan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said berjaya memartabatkan disiplin sejarah khususnya sejarah negeri Sarawak yang diangkat setinggi

mungkin seantero dunia. Usaha dan peranan yang digembeleng beliau mendapat pengiktirafan tertinggi oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang mentauliahkan gelar pangkat "Datu" yang dikurniakan kepada beliau. Langkah pelaksanaan menerbitkan buku seumpama ini yang disifatkan pertama kali dilakukkan oleh Amanah Khaiarat Yayasan Budaya Melayu Sarawak. Diharapkan penerbitan seumpama ini juga dapat menjadi tradisi amalan yang berterusan pada masa akan datang.

Bahagian Kebudayaan dan Penyelidikan AKYBMS yang kini diketuai oleh Azuan Jemat akan terus berusaha dengan gigih merancang dan menambahkan penerbitan buku khas menjadi wadah wacana ilmu khususnya ilmu pengetahuan berkaitan dengan Melayu Sarawak selaras dengan Pelan Strategik AKYBMS 2015 – 2035 dalam teras Agama dan Budaya iaitu dalam usaha memperteguh identiti Melayu Sarawak. Sekalung Penghargaan dan ucapan terima kasih dihalakan kepada pimpinan tertinggi AKYBMS, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah AKYBMS dan Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Wahab bin Aziz, Ahli Lembaga Pemegang Amanah AKYBMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Budaya dan Kesenian serta Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said, Pengurus Besar AKYBMS, yang menyokong penuh segala usaha pelaksanaan program penerbitan dan penyelidikan yang berimpak tinggi oleh Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak.

Penulis karya sumbangsih yang terdiri dalam kalangan para penyumbang bab dalam buku ini merupakan rakan akademik, anak didik, sarjana tempatan dan luar negara serta rakan seperjuangan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said. Mereka merupakan tenaga akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau penjawat awam yang sedang berkhidmat mahupun yang telah bersara serta penulis bebas yang berkarya. Bab-bab yang ditulis ini merupakan penulisan ilmiah yang telah bermula hasil dari penyelidikan yang dilakukan dalam kalangan mereka yang sememangnya telah terkenal dengan bidang ilmu kepakaran masing-

masing. Manakala terdapat juga bab yang ditulis oleh rakan seperjuangan dan anak didik Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said sebagai interprestasi pelapis generasi seterusnya yang menyambung keilmuwan dan bidang sejarah Negeri Sarawak pada masa kini dan akan datang. Walaupun tidak ramai ahli sejarawan Sarawak, dengan jumlah yang terbatas namun hadrinya amat dirasai kepentingannya dengan memadai impak yang besar dari segi kualitatif menjadi watas menentukan kualitas.

Rangka pelaksanaan buku ini telah bermula pada bulan jun 2022 dengan melaksanakan penyelidikan penglibatan penulis sasaran yang akan diundang untuk karya sumbangsih. Penyelidikan ini juga merangkumi pemilihan nama buku ini agar membawa pengertian yang amat bermakna disebalik nama yang ditaruh. Pemilihan tajuk buku Dastar Patinggi harus diberi penjelasan falsafah yang tersirat. Dastar ini merujuk kepada perhiasan ikatan alas kepala tradisional Melayu yang dipakai oleh golongan lelaki. Jelaslah kata *"Dastar"* yang digunakan di sini merujuk kepada ilmu yang sentiasa di atas dijunjung tinggi dan dimuliakan dengan ketinggian darjat. Bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Mujadalah ayat 11 yang berbunyi, *"Allah S.W.T meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat"*. Keilmuan yang dimiliki oleh seseorang diperolehi dengan dedikasi diri yang tinggi dalam mencari ilmu pengetahuan sehingga boleh dimanfaatkan kepada bangsa, agama dan tanah air.

Manakala imej halaman kulit buku ini diwakili sepersalinan *Dastar Serinding Awan Raja Abang Gudam* mewakili susuk seorang insan bernama lelaki, dimana dibelakangnya terdapat mahkota *Gajah Oleng* yang mewakili seorang bidadari yang membawa gambaran visual falsafah disebalik kehebatan dan kejayaan seorang lelaki terdapat wanita hebat yang mendampingi sisi hidupnya. Kasih dan cintanya suami kepada isterinya, seorang anak kepada ibunya, ungkapan inilah yang sewajarnya tepat melambangkan aspirasi kecintaan abadi terpancar dalam imej halaman kulit buku Dastar Patinggi ini.

Pemilihan nama *DASTAR PATINGGI* adalah berdasarkan penemuan

Dastar asal di Sarawak yang dinamai *Dastar Sarinding Awang Raja Abang Gudam* seperti mana yang tercatat dalam naskhah manuskrip jawi yang bertajuk, *Syair Tarsilah Ceretera Temenggung Kadir dengan Abang Gudam Negeri Saribas* Manakala kata *"Patinggi"* merupakan gelar pembesar Melayu di Negeri Melayu Awal di Sarawak. Patinggi memperlihatkan ketinggian sahsiah, ilmu, kepimpinan dan hierarki dalam kalangan rakyat jelata. Patinggi diwarisi dari tinggalan kerajaan awal yang bersifat purba di Sarawak antaranya legitimasi Kerajaan Melayu Santubong serta diiktiraf jawatan Datu Patinggi di zaman Sultan Tengah sultan pertama dan terakhir Sarawak pada abad ke-16 yang mengabsahkan gelar pangkat para datu-datu di Sarawak. Jika dipadankan dengan autobiografi Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said, maka ungkapan Dastar Patinggi amat betepatan dan sesuai digunakan sebagai nama judul buku ini.

Penerbitan buku ini amat keterbatasan waktu yang dihimpit dengan keadaan semasa yang masih bergelumang wabah convid yang menjadi cabaran utama. Penerbitan buku ini mengambil masa yang amat terhad iaitu sekitar 8 bulan masa untuk penulisan dan jumlah keseluruhan memakan masa 10 bulan untuk diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan menerbitkan buku ini adalah miliki semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dan paling bermakna, ilmu yang terkandung didalam untuk tatapan pembaca dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. *"Tidak puan kelapa bali, Harap-harap kepada tuan, Tidak tuan siapa lagi"* gambaran kata atas bertepatan dengan usaha-usaha hebat dan luar biasa yang dicurahkan oleh para penulis karya sumbangsih ini. Faktor geografi (seberang *Laut China Selatan*), Komunikasi, masa menulis, kerja-kerja penyuntingan dan penerbitan adalah aspek yang dititik beratkan bagi menghasilkan satu hamparan ilmu yang dihimpunkan menjadi satu himpunan tulisan para sarjana tempatan yang manpan dan berkualiti dihidangkan dalam naskhah untuk santapan para pembaca yang minat dan cinta akan ilmu pengetahuan khsusus ilmu sejarah.

Keseluruhannya, naskhah ini mengandungi 21 bab atau artikel dengan jumlah halaman 550 muka surat. Ruang cakupan perbincangan

yang dikupas dalam buku ini amat luas menjangkau termasuk dunia alam Melayu amnya serta berkaitan Negeri Sarawak. Antara tema utama yang dibahaskan dalam buku ini ialah, Sejarah, ekonomi, Pentadbiran, Politik, Keselamatan, Kebudayaan, manuskrip Melayu, Kesusasteraan dan Pengajian Bahasa serta Linguistik. Penulisan bab-bab dalam buku ini adalah berdasarkan kepada kajian dan penyelidikan para penulis mengikut kepakaran bidang masing-masing. Tanpa disengajakan, keseluruhan artikel yang dimuatkan dalam buku ini adalah ilmu pengetahuan yang berkisarkan dan terdapat di Negeri Sarawak yang amat jarang dan hampir tiada serta belum terdapat dalam mana-mana penerbitan lagi. Inilah aspek yang diangkat martabatnya menjadi kekuatan Buku Dastar Patinggi yang harus menjadi bacaan utama kepada bangsa Melayu Sarawak dan seluruh rakyat yang pelbagai etnik di Sarawak. Menerusi bab-bab yang dimuatkan dalam kandungan buku ini, para pembaca akan memperolehi maklumat dan pengetahuan yang berkaitan Negeri Sarawak yang ditulis mengikut kepakaran bidang masing-masing.

Artikel pertama telah ditulis oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria yang membincangkan sejarah Anti Serahan di Sarawak yang sangat terkenal dengan kisah perjuangan Rosli Dhoby. Pemaparan yang dibuat oleh beliau banyak menyentuh sumber-sumber baharu dalam meperihalkan kisah sejarah Anti Serahan terutama surat-surat rampasan British di Sarawak pada tahun 1946. Surat rampasan tersebut dilakukan oleh British sejurus peristiwa berdarah, assasinasi gabenor British di Sarawak iaitu Sir Duncan Steward. Selain itu, perjuangan Anti Serahan turut dikupas dan diamati dari perspektif sejarah yang juga menyentuh isu kemerdekaan. Perbincangan ini sekaligus mengisi kelompangan kisah sejarah Anti Serahan dan kemerdekaan yang dilaksanakan oleh Pergerakan Pemuda Sibu (PPMS) di Sarawak pada tahun 1946 sehingga 1949. Pergerakan Pemuda Sibu (PPMS) merupakan sebuah pertubuhan Melayu di Sibu yang memainkan peranan penting dalam membela nasib orang Melayu Sarawak yang menuntut kemerdekaan semasa peristiwa Anti Serahan Meletus di Sarawak. Maka relevan lah penulisan beliau yang

bertepatan dengan judul iaitu *Perjuang Anti Serahan dan Kemerdekaan Pergerakan Pemuda Melayu Sibu (PPMS) di Sarawak, 1946 – 1949*.

Artikel yang kedua adalah *bertajuk Social Structure and Behavioural Pattern of Proboscis Monkey (Nasalis Lavartus) in Sarawak, Malaysia,* telah ditulis pasukan penyelidik yang terdiri daripada Prof. Tajudding Abdullah, Dr. Faisal Anuarali Khan dan Mohammad Kohdi. Kajian ini telah dilaksanakan oleh kolabratif pelbagai agensi dan institusi seperti Jabatan Perhutanan Sarawak, Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Mampan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Jabatan Zoologi Fakulti Sumber Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Perbincangan dalam bab ini dilihat satu pemaparan hasil kajian yang berupa maklumat empirical mengenai corak dan tingkah laku sosial mengenai kedua-dua demografi kumpulan dan dinamik N.Larvatus di Taman Negara Bako. Sekali gus, hasil dapatan kajian sangat penting dan berguna kepada oraganasasi perhilitan dan dapat membantu memudahkan pengurusan taman untuk memelihara sepsis endemic dan terancam. Namun demikian, hasil kajian ini memberi dapatan dan maklumat kepada para pembaca berkaitan dengan maklumat factor-fakotr yang mungkin mempengaruhi dan mengubah corak sosial dan tingkah laku berpunca daripada kehilangan habitat, keterancaman habitan, perubahan alam sekitar dan wujudnya gangguan dari manusia.

*Mahkota Diraja Brunei: Yang Tersurat dan Tersirat* dikupas oleh Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dalam bab yang ketiga. Perbincangan dalam bab ini menilai kedaulatan yang tinggi dalam sistem pemerintahan Melayu Islam Beraja pada kesultanan Brunai Darussalam. Sementara itu, tafsiran pengertian Mahkota Diraja Brunai yang menjadi lambang kedaulatan Kesultan dan beraja di Brunai menyimpan sejarah dan falsafah yang tersurat dan Tersirat sebagai alat kebesaran. Melihat rentetan masa sejarah Brunai, mahkota ini pernah digunapakai oleh beberapa sultan yang menaiki takhta dan perlantikan Pengiran Muda Mahkota. Kupasan yang diketengahkan beliau ini memperlihatkan sejarah Negara Brunei Darussalam yang sudah lama memiliki sistem pemerintahan beraja dan

memiliki pusaka alat-alat kebesaran diraja serta adat istiadat beraja. Majlis adat istiadat berpuspa yang jelas menunjukkan kekuasaan daulat yang ada pada seseorang sultan.

Manakala artikel yang keempat yang berjudul *Penyakit dalam Konteks Teks dan Konteks di Borneo-Kalimantan* telah ditulis oleh Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi bersama dengan penulis bersama Nasrullah Mappatang. Penulisan ini membicarakan berkaitan analisis teks penulisan sastera yang jelas memberi gambaran kesan dan impak dari masa dan peristiwa sebenar semasa dunia dilanda wabak pendemik CONVID-19. Mediumisasi penulisan sastera dilihat sebagai alat ilmu dalam menyampaikan mesej dan mengkhabarkan ilmu pengetahuan berkaitan tentang CONVID -19 kepada dalam kalangan masyarakat sejagat. Antara karya yang diteliti dan menjadi pegangan penulis adalah seperti Cerpen "Penari dari Kutai" dan "Kampung Beremai" karya Seno Gumira Adjidharma dan Korrie Layun Rampan merupakan cerpen yang diterbitkan dalam koleksi cerpen, Dunia Sukab (2015) dan Kayu Naga (2007). Analisis ekokritik, gambaran realistik Kalimantan, yang sumber aslinya telah dikorek, adalah cara penulis menonjolkan eksploitasi sumber asli dan kesannya terhadap penduduk tempatan di kawasan Kalimantan. Oleh itu, perspektif kajian budaya yang dijalankan adalah subjek virus dan penyakit yang timbul daripada eksploitasi alam dan persekitaran Kalimantan sebagai tindak balas atau penentangan subjek bukan manusia terhadap manusia yang sangat dominan (Anthropocene).

Artikel kelima yang berjudul *Populariti Gps: Perspektif Data, Pola Pengundi Dan Persepsi Rakyat* telah ditulis oleh Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi bersama dengan beberapa penulis yang turut menyelidik seperti Dr. Suffian Mansor, Novel Anak Lyndon, Lucy Sebli, Juna Liau, Stanley Bye Kadam dan Dick Lembang Anak Dugun. Artikel ini membicarakan situasi geopolitik negeri Sarawak pada 2021. Usaha kajian politik negeri Sarawak ini telah dilaksanakan oleh sekumpulan ahli akademik yang berasal dari Sarawak melakukan penyelidikan lapangan di

Sarawak bagi meninjau pola pengundian, jangkaan dan analisis persepsi rakyat menjelang pilihan negeri Sarawak 2021. Kelompok ahli akademik ini terdiri daripada etnik Melayu/Melanau, Iban, Bidayuh, Orang Ulu yang mempunyai lebih dekat dengan akses kepada etnik masing-masing untuk mendapatkan segala pandangan, kritikan dalam melakukan kajian kumpulan fokus di kawasan etnik bumiputera khususnya. Tumpuan utama penyelidikan tertumpu kepada prestasi Gabungan Parti Sarawak (GPS) Sarawak yang dijangka memberikan impak positif kepada landskap politik negeri Sarawak, khususnya pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak ke-12, yang diadakan pada 18 Disember 2021 merupakan tonggak bersejarah bagi negeri Sarawak. Menariknya pada PRN Sarawak ini merupakan pilihan raya negeri pertama berdepan akibat Covid-19 dan ini membawa kebimbangan kepada pengundi untuk turun mengundi serta merakamkan sejarah politik Sarawak ketika masa dan keadaan masih bergelumang dengan wabak Convid.

*Selayah Pandang Beberapa Manuskrip Melayu Sarawak Terpilih* merupakan penulisan bab keenam yang ditulis oleh Profesor Madya Dr. Arba'iyah binti Mohd Noor bersama dengan penulisan bersama Azuan bin Jemat. Secara umumnya, tidak banyak penulisan mengenai sejarah Sarawak yang telah dilakukan oleh para sarjana hari ini. Namun, masih terdapat banyak lagi persoalan yang masih belum terjawab dan wujud perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana mengenai pelbagai perkara mengenai sejarah Sarawak. Malah kajian menggunakan manuskrip Sarawak sangat kurang dilakukan oleh para sarjana rentetan kekurangan manuskrip itu sendiri selain masalah kesukaran membacanya bagi masyarakat zaman moden. Artikel ini juga turut membincangkan perkembangan makluman semasa, manuskrip merupakan khazanah ilmu silam yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh atau penulis untuk memaparkan segala ilmu pengetahuan silam buat tatapan generasi akan datang. Oleh itu, makalah ini akan cuba membuat tinjauan ringkas mengenai manuskrip Sarawak terpilih agar ia menjadi pembuka jalan bagi kajian para sarjana seterusnya dalam menjadikan manuskrip ini sebagai sumber kajian seterusnya mengangkat

keagungan dan kegemilangan tamadun Melayu di Sarawak.

Sementara itu, bab ketujuh telah ditulis oleh Dr.Mardiana binti Nordin yang berjudul *Pensejarahan Melayu SeNusantara: Paparan Perebutan Takhta Kesultanan Matan(Kalimantan). Awal Abad ke-18.* Beliau mengupas mengenai sejarah Kerajaan Matan yang merupakan salah satu Kerajaan Melayu awal di Kepulauan Borneo, yang juga berada di dalam wilayah Nusantara atau alam Melayu. Secara lebih khususnya, kerajaan Matan terletak di Kalimantan Barat yang juga berhampiran dengan kerajaan Banjar, Sukadana, Mempawah, Mendawai dan beberapa kerajaan yang lain. Perkara menarik yang diangkat penulisa dalam kupasan perbincangan adalah kesultanan sama ada di sebelah Barat Kalimantan, Timur, Selatan mahupun bahagian tengahnya Kalimantan itu sendiri merupakan sebuah wilayah yang luas yang dari segi sejarah awalnya. Perebutan takhta Kesultanan Matan pada awal abad ke-18 dapat disaksikan jika diteliti dari peristiwa sejarah awal yang berlaku dalam konflik dan peperangan yang tercatat dalam catatan manuskrip naskhah pensejarahan Melayu.

Dr. Ho Hui Ling yang menulis bab kelapan menyentuh kupasan berkaitan dengan sejarah keselamatan yang berlaku di Negeri Sarawak dari judul penulisan iaitu *Menelusuri Sejarah Gerakan Komunis di Sarawak Sebelum dan Selepas Merdeka.* Pengaruh komunis telah mula dikesan di Sarawak sejak sebelum merdeka lagi. Pengaruhnya mula tersebar luas semasa zaman pendudukan Jepun dan berterusan selepas Perang Dunia Kedua dengan munculnya beberapa pertubuhan-pertubuhan berunsurkan komunis di Sarawak. Perbincang dalam bab ini juga menilai sejauh mana pergerakan komunis di Sarawak terus berlaku sehingga selepas kemerdekaan dan masa insurgensi Komunis yang jelas membawa kepada ancaman keselamatan yang serius di Negeri Sarawak.

Di samping itu, sebelum meletusnya perang dunia kedua menyaksikan perkembangan ekonomi yang pesat di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Perkembangan ini dapat dilihat dengan penglibatan syarikat Barat dalam aktiviti perlombongan yang menguntungkan ekoran pemintaan yang tinggi. Isu ini akan menjadi perbincangan yang akan dikupas oleh Dr. Sauffian Mansor dan Meor Ahmad Irshad bin Meor Ahmad Hisham dalam

penulisan bersama yang berjudul *Penglibatan Syarikat Barat Dalam Aktiviti Perlombongan Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Perlombongan bijih timah merupakan hasil komoditi galian yang sangat berharga di Tanah Melayu. Buktinya bijih timah menjadi bahan dagangan utama sejak sebelum kedatangn kuasa Barat ke Alam Melayu. Perkembangan sejarah seterusnya menyaksikan campur tangan dan penglibatan syarikat Barat mulai menguasai satu persatu negeri-negeri Melayu yang mengeluarkan bijih timah yang akhirnya menjadi negeri di bawah naungan British.

Tema berkaitan Negeri Sarawak menjadi perhatian khusus dalam buku ini. Pembentukan Malaysia yang melibatkan Negeri Sarawak bukan lah semudah yang disangkakan. Pelbagai liku-liku cabaran yang dihadapi dan kesannya turut dirasai oleh Negeri Sarawak. Dr. Habid Buhigiba bin Mohammad Bustamam memerihalkan akan peristiwa yang berlaku di Negeri Sarawak dan di Brunei serta di Sabah dalam pembentukan Malaysia dalam judul penulisan beliau iaitu *Pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di Brunei, Sarawak dan Sabah dan Implikasinya ke atas Hubungan dengan Indonesia*. Kesan perjuangan TNKU memperlihatkan kegagalan pemberontakan ini di Brunei, Sarawak dan Sabah sehingga meletus peristiwa konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia. Konfrontasi berakhir dengan kesan yang besar iaitu kejatuhan pemerintahan Sukarno dan tamatnya penglibatan Parti Komunis di Indonesia. Manakala TNKU turut mencapai objektif perjuangan apabila Sultan Omar Ali Saifuddin III menolak penyertaan Brunei dalam Persekutuan Malaysia.

Sementara itu, Dr. Nodri Achie menulis bab kesebelas menyentuh persoalan pemikiran yang terkandung dalam pengisytiharaan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 sebagai Tarikh bersejarah bagi kemerdekaan Sarawak dan Sabah. Kupasan ini diperincikan dalam penulisan beliau yang bertajuk *Wabak Pemurtadan Bahasa Wasilah Pembentukan Bangsa: Arus Sejarah, Aliran Semasa dan Arah Masa Depan*. Persoalannya dalam kupasan inim, apakah ini bermakna jiwa dan pemikiran kita benar-benar telah dimerdekakan sepenuhnya daripada

belenggu penjajahan? Kedua, mengapa entiti politik yang muncul pada 16 September hanyalah negara Malaysia, tanpa bangsa Malaysia. Ini merupakan suatu anomali dalam sejarah negara-bangsa moden?. Jelaslah, kupasan beliau dalam penulisan ini memperlihatkan masa depan pembentukan bangsa Malaysia, lunas atau kandas, bergantung kepada sikap kita sendiri: bermula dengan pendaulatan bahasa kebangsaan, penentangan terhadap wabak murtad bahasa dan pemerdekaan pemikiran daripada segala bentuk rasisime, cauvinisme dan fanatisme. Burung yang baik, mencari pohon yang baik.

*Perbandingan Ciri Fonologi dan Kata Leksikal Keluarga Bahasa Baram Hilir*, telah ditulis oleh Prof. Madya Dr. Norazuna Norahim. Setakat ini, tidak banyak yang kita ketahui tentang bahasa-bahasa di Baram padahal bahasa-bahasa ini merupakan bahasa moribund iaitu bahasa di tahap akhir ke arah kepupusan. Terdapat kelompangan kajian yang mendesak tentang bahasa-bahasa di Baram dan hal ini memerlukan kita mendokumentasi dan membuat deskripsi sistem bahasa-bahasa ini. Justeru, artikel ini merupakan suatu usaha awal untuk memeri ciri-ciri linguistik khususnya ciri fonologi dan kata leksikal bahasa Miriek, Kiput, Dalik dan Belait. Bahasa-bahasa ini terangkum dalam Subkeluarga Bahasa Baram Hilir. Justeru, diandaikan bahasa-bahasa ini turut berkongsi ciri fonologi dan leksikal yang sama, pada masa yang sama, mmepunyai ciri perbezaan yang memisahkan satu bahasa dari yang lain. Penulisan ini juga akan memaparkan data yang diperolehi melalui sesi temu bual dengan penutur jati bahasa-bahasa tersebut berpandukan 100 Senarai Kata Swadesh. Dari segi kata leksikal, bahasa Belait lebih tinggi peratusan persamaannya dengan bahasa Kiput berbanding Dalik dan Miriek. Perbandingan kelompok bahasa Baram Miri pula, menunjukkan bahasa Miriek mempunyai beberapa ciri khusus yang tidak terdapat pada bahasa lain dalam kelompok ini.

Manakala bab yang ketiga belas memperlihatkan bidang pengajian bahasa di Sarawak yang dibincangkan oleh Dr. Salbiah Haji Hassan yang berjudul *Hubungan Kekeluargaan antara Bahasa Melayu dan Dialek Melayu Kabong bukti Fonologi*. Dalam konteks Sarawak, bahasa seharian

yang digunakan dalam komunikasi masyarakat Melayu secara khususnya ialah dialek Melayu Sarawak. Apabila dikatakan sebagai bahasa Sarawak, ia merujuk kepada dialek Melayu Sarawak. Bahasa Melayu Sarawak mempunyai sedikit perbezaan dengan Bahasa Melayu Standard (BMS). Dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan dialek Melayu yang dituturkan secara meluas oleh masyarakat Melayu di Sarawak merupakan kaum yang ketiga terbesar di Sarawak. Kajian terhadap Dialek Melayu Kabong (DMKb) ini juga penting sebagai usaha untuk menambah dan melestarikan dialekdialek Melayu di Malaysia yang masih belum dikaji sebelum ini. Kajian menentukan taraf kognat antara BMS dan DMKb juga menunjukkan persamaan sebanyak 87.75% kata berkognat membuktikan DMKb bertaraf dialek dan bukannya bertaraf bahasa.Walaupun terdapat perbezaan dari segi leksikal, namun sistem dan struktur fonologinya masih dekat dengan BMS. Penentuan sejumlah lapan vokal dan 19 konsonan yang terdapat dalam fonologi DMKb juga merupakan ciri umum bagi keluarga Austronesia yang dinaungi BMS.

Selain itu, *Analisis Linguistik dan Pilihan Bahasa Vaie*, telah ditulis oleh Dr. Santrol Abdullah yang membentangkan kajian mutakhir berkaitan Bahasa Vaie di Bintulu. Bahasa Vaie yang dituturkan oleh penduduk Bahagian Bintulu, Sarawak khususnya kawasan Jepak, Asyakirin, Kuala Segan, Pandan Sebauah dan sekitarnya merupakan bahasa lisan serta belum mempunyai sistem tatabahasa yang disusun sebagai rujukan, dokumen dan bahan rujukan yang utama. Selain itu, pertembungan dalam aspek linguistik dalam kalangan penuturnya juga menjadi cabaran utama untuk bahasa ini terus bertahan pada masa akan datang. Jika hal ini berlaku maka fenomena keterhakisan terhadap penutur kanak-kanak serta golongan dewasa akan berlaku dan berpanjangan. Makalah ini juga merungkai sejarah bahasa Vaie merupakan salah satu bahasa peribumi Sarawak yang telah wujud sejak adanya penempatan awal masyarakat Bintulu semenjak berabad-abad yang lalu. Sejarah yang jelas berdasarkan bukti-bukti awal seperti lakaran nama pada peta yang telah dihasilkan oleh Diego Homem dan Bartolomeu Velho pada abad ke-13, iaitu sekitar

tahun 1510 telah meletakkan nama Bintulu sebagai R.de burulu yang juga memasukkan penerangan secara ringkas tentang penduduknya. Begitu juga manuskrip lama yang dijumpai pada tahun 1281 Hijrah bersamaan dengan tahun 1864 Masihi menyatakan bahawa bahagian Bintulu telah diserahkan oleh Sultan Brunei di bawah pentadbiran puteri beliau.

*Melestarikan Sejarah Lisan: Kajian SK Pulo di Kampung Semarang* judul yang dikupas oleh Dr. Awang Rozaimie bin Awang Shuib. Perbincangan ini bekisarkan kepada Sejarah lisan dibuktikan dalam kajian dan penulisan ini bahawa ianya adalah satu cadang keilmuan untuk mengkayakan pengetahuan (knowledge enrichment) yang berkait rapat dengan perkara pokok isu perbincangan. Pembetukan sosiobudaya masyarakat melayu khususnya di Kawasan perkampungan tradisi Seberang Hilir memberi gambaran bagaimana masyarakat suatu ketika dahulu bermuafakat untuk kelangsungan hidup (survival) serta mencorak masa hadapan generasi seterusnya. penulisan ini ada menyebut andaian mengenai asal nama kampung Bintawa (penempatan selepas Kampung Pulo) tetapi tiada pernyataan tersedia yang menjelaskan perkara sebenar mengenai persoalan ini. Kita harus akur bahawa tidak semua peristiwa yang dianggap bersejarah itu direkodkan sepenuhnya atau secara menyeluruh. Selain dari itu, terdapat juga peristiwa yang dianggap tidak penting atau tiada keperluan untuk direkodkan semasa berlakunya sesuatu peristiwa itu. kewujudan SK Pulo melahirkan keserjanaan dipelbagai bidang kemanusiaan membawa berkat dan manfaat kepada seluruh penduduk di perkampungan tradisi Seberang Hilir khususnya dan kepada negara Malaysia amnya.

Disamping itu, Dr. Jati Kasuma Ali mengupas perbincangan berkaitan dengan sejarah pendudukan India muslim di Sarawak dengan judul, *Usahawan India Muslim Di Sarawak*. penulisan ini akan mengupas tentang kegiatan India Muslim dan perkembangan perniagaan mereka di negeri ini dan boleh membuka ruang untuk membuat penulisan yang lebih mendalam di masa hadapan. Tulisan ini akan melihat terlebih dahulu secara ringkas sejarah awal pergerakan Orang India dari negara India di beberapa

buah benua sebagai pemahaman asas kenapa orang India ini berhijrah ke kebanyakan negara di dunia selain bangsa lain Asia khususnya bangsa Cina. Seterusnya, sifat-sifat keusahawanan yang mereka miliki serta nama-nama besar tokoh keushawanan di kalangan mereka. Penghijrahan India Muslim ke Sarawak bermula pada abad ke-19 semasa Sarawak masih di bawah pemerintahan Raja James Brooke. Pada masa itu, Raja Brooke memerlukan tenaga buruh yang banyak untuk membangunkan sektor pertanian dan perkebunan di Sarawak. Kebanyakan dari orang-orang India Muslim yang datang ke Sarawak pada masa itu adalah sebagai pekerja buruh yang diambil daripada daerah-daerah seperti Punjab dan Uttar Pradesh di India. Penghijrahan India Muslim ke Sarawak terus berlanjut selama beberapa dekade berikutnya, meskipun dalam jumlah yang lebih kecil setelah Sarawak menjadi koloni Inggris pada tahun 1946.

Kajian bidang Antropologi di Sarawak menjadi bidang ilmu yang harus diketengahkan dalam kalangan khalayak pembaca umum. Dr. Sharifah Sofea binti Syeid Ahmad dan Dayang Hajyrayati A. Kassim merupakan penulisan bersama bagi judul *Fungsi Pegawai Anak Negeri dalam Interaksi Kuasa dan Pengetahuan di Era Pemerintahan Brooke: Satu Tinjauan Awal.* Makalah ini meneroka peranan Pegawai Anak Negeri (Native Officer) di bawah pemerintahan dinasti rajah putih Brooke sebagai agen moderasi di antara amalan kuasa paksaan(coercive) rajah dan aplikasi secara praktikal di peringkat akar umbi. Aplikasi praktikal tersebut melibatkan aspek pentafsiran kuasa dan amalan serta pemantauan yang merupakan tanggungjawab Pegawai Anak Negeri (NO) dan harus ditafsirkan sebagai agen pengekalan keamanan dan ketertiban dalam daerah-dareah peribumi yang dijajah oleh kuasa asing. Native Officer juga dipandang sebagai peran utama bertindak sebagai palaku penting dalam manjamin kestabilan pemerintahan Brooke dalam kalangan masyarakat peribumi dan wilayah yang ditawan oleh kekuasaannya. Jelaslah, judul ini bertepatan dengan intipati kupasan dan berdasarkan kepada pembacaan literatur yang sedia ada serta kajian lepas yang berkaitan dengan perkhidmatan awam Sarawak di masa era pemerintahan Brooke memerintah Sarawak.

Sementara itu, bab yang ke lapan belas telah ditulis oleh Dr. Adibah binti Yusuf dengan judul penulisannya iaitu *Rumah Tradisional Melayu Sarawak: Seni Bina dan Ruang Bercirikan Pengaruh Islam*. Penempatan awal penduduk Melayu Sarawak dikatakan bermula di Sungai Sarawak. Mengimbau sejarah Sarawak semasa kedatangan James Brooke bermula pada 1839, terdapat satu kawasan kediaman orang Melayu di kawasan Kuching yang juga merupakan pusat pentadbiran bagi pemimpin Melayu Brunei, iaitu berdekatan dan berhampiran Sungai Sarawak. Justeru semasa pemerintahan Brooke. Sememangnya Kuching bermula sebagai bandar orang Melayu dan menempatkan jumlah penduduk Melayu yang agak ramai sehingga ke hari ini. Mereka tinggal di pekan, juga di kampung di seberang sungai serta di bahagian barat dan tenggara Bandar Kuching. Islam mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap pembinaan kediaman khususnya rumah bagi masyarakat Melayu di Sarawak dan ternyata ciri-ciri Islam juga penting dalam menentukan struktur, rekabentuk, ruangan dan keluasan kediaman bagi sesebuah rumah. pengaruh Islam dalam gaya hidup Melayu tradisional jelas dikenal pasti pada reka bentuk dan ciri-ciri rumah Tradisional Melayu, yang dibangunkan dengan prinsip-prinsip asas Islam. Kajian ini akan membincangkan penerapan prinsip Islam dalam rumah Melayu tradisional Sarawak, yang mana kajian ini dijalankan ke atas tiga buah rumah Melayu tradisional yang dipilih dari Sarawak dan terletak di Kuching, Sarawak.

Di samping itu, para penulis yang berkarya dan bergiat minat menulis turut mengisi penulisan dalam buku ini. Abang Ibrahim Abang Ali dan Dayang Fatin Amira Abang Ibrahim merupakan penulis bersama dalam judul *Suatu Ketika di Lembah Sadong: Interpretasi pensejarahan awal Sadong*. Penulisan ini berkisarkan kepada sejarah awal Sadong yang belum pernah diterbitkan. Kewujudan negeri Sadong terbukti dengan penemuan syiling yang berukir nama Maharaja Kao Tsu (618-626) dari Dinasti Tang dan ratusan tembikar dan ribuan serpihan tembikar Dinasti Tang-Sung (618-1279) di Gedong. Pada tahun 1368 Masihi, wilayah Tanjung Pura, Sedu, Beruneng, Kalka, Saladung, Solot, Pasir,

Baritu, Sawaku, dan Malano tercatat dalam rangkap (pupuh) yang ke-14 kakawin Nagarakretagama. Sedu diterjemahkan sebagai wilayah Sadong (Batang Sadong). Ada beberapa wilayah jajahan Majapahit di bahagian Timur, iaitu di kepulauan Borneo telah juga terbukti dalam teks "Alamat Zaman Ketahtaan Nagari Barunai". Kerajaan Brunei sebelum abad ke-14 merupakan negeri jajahan takluk Majapahit. Berdasarkan teks ini, Kalaka, Sadong, dan Sarawu berada di bawah pentadbiran kerajaan Brunei.

Manakala, judul *Pensejarahan Melayu Sarawak: Kajian Terhadap Naskah Hikayat Datuk Merpati Karya Haji Muhammad Tahir Bin Abdul Ghani* telah ditulis oleh Cikgu Samsol bin Morshidi Bujang yang mengupas berkenaan dengan kajian teks naskhah Hikayat Datuk Marapati hasil karya Haji Muhammad Tahir bin Abdul Ghani. kajian terhadap masyarakat Melayu di Sarawak bersifat statik dan sekadar didengar secara lisan yang mungkin bakal ditokok tambah serta hilang wibawa untuk dijadikan sumber pensejarahan. Kajian terhadap Datuk Merpati dan kedatangan masyarakat Melayu di Sarawak khususnya di Kuching telah menarik minat untuk mengetahuinya secara lanjut dalam membentuk dan mencari identiti mereka khususnya kebudayaan dan sejarah yang kurang mereka kenali. Penulis mula meminati pensejarahan Melayu di Sarawak apabila diminta untuk menerima senaskah manuskrip bertulisan jawi, bertulisan tangan bagi tugasan sarjana pada tahun 2013 oleh waris Haji Muhammad Tahir bin Abdul Ghani yang sebelumnya amat asing bagi penulis.

Artikel terakhir yang dipaparkan dalam buku ini sebagai penutup kepada himpunan artikel iaitu *Pensejarahan Dastar Raja Negeri-Negeri Melayu Awal (Dastar Sarawak) berdasarkan Catatan Manuskrip di Sarawak: Satu Tinjauan Awal Paparan Dastar pada Awal ke – 16.* Sejarah purba dan tertua Negeri Sarawak membuktikan bahawa telah wujudnya beberapa Negeri-Negeri Melayu Awal yang bermula seawal sekitar abad ke 300 Era Sebelum Sekarang (EES). Pensejarahan awal ini membuktikan telah wujudnya dastar atau tengkolok yang digunakan pada masa tersebut yang kebiasaanya dipakai oleh golongan raja-raja ataupun pembesar raja. Perbincangan dalam bab ini berdasarkan kepada sumber primer yang

belum pernah diterbitkan terutama sumber bahan manuskrip Melayu Sarawak seperti *Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam Temenggong Kadir Negeri Saribas, Syair Negeri Santubong* dan sebagainya. Namun demikian, orientalis barat seperti Hugh Low pernah mencatatkan perihal busana Melayu Sarawak dalam sekitar abad ke-19. Impak dari penyelidikan ini berjaya membukti bahawa pada suatu ketika, Sarawak turut memiliki destar dan tengkolok yang tersendiri sebagai asal dan jati diri bangsa Melayu Sarawak.

Pengulungan hujah perbahasan yang dikupas dalam naskhah ini memperlihatkan Sarawak memiliki keilmuan dan pengetahuan yang luas sehingga menuntun agar penerokaan dalam kajian penyelidikan harus dipergiatkan dengan aktif. Akhir kata, selamat menjamu hidangan bacaan ilmiah yang disajikan dalam buku *Dastar Patinggi Karya Sumbangsih kepada Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said, Kumpulan Artikel bersempena dengan memperingati Ulang Tahun Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak.*

**Profesor Madya Dr. Arba'iyah binti Mohd Noor**
**Azuan bin Jemat**


UNIVERSITI MALAYA 2014

# YANG BERBAHAGIA
# DATU DR. HAJI SANIB BIN HAJI SAID

Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said telah dilahirkan pada 02 April 1953 dan dibesarkan di Lawas Sarawak. Beliau telah mendiri rumahtangga bersama Datin Hajah Fatimah binti Haji Abdul Malik dan dikurnia dua orang anak iaitu Dr. Salawati binti Sanib dan Dr. Siti Amalina dan dua orang cucu beliau bernama Eva Yasmeen dan Ana Anaque. Beliau telah mendapat Pendidikan rendah di Malay Central School, Lawas dan kemudian menyambung di Sekolah Menengah Lawas. Pada masa yang sama beliau melanjutkan pelajar di peringkat menengah di Sekolah Menengah Limbang. Bagi melanjutkan ke peringkat Sijil Tinggi Malaysia beliau telah mendapat tawaran untuk melanjutkan ke Kolej Tun Datuk Tuanku Hj. Bujang du Tanjong Lobang, Miri pada tahun 1966 sehingga 1972. Kemudiannya beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya, Kuala Lumpur dengan pengkhususan dalam bidang Sejarah Malaysia dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian pada tahun 1976. Pada tahun 1981, beliau telah menyempurnakan pengajian diperingkat Ijazah Sarjana dalam bidang Sejarah Sarawak. Pada masa yang sama beliau merupakan tenaga pengajar muda (Tutor) di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dari tahun 1976 sehingga 1979.

Setelah hampir tiga tahun menjadi tutor, beliau mendapat tawaran pekerjaan sebagai Pegawai Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur pada tahun 1980. Semasa menjawat jawatan Pegawai Arkib, pada masa yang sama beliau juga telah melanjutkan pengajian di University of New South Wales, Australia pada tahun 1981 mengambil jurusan Diploma in Information Management and Archives Administration. Minat dalam bidang akademik telah membuka ruang untuk beliau bertukar kerja dari seorang pegawai Arkib kepada Pensyarah. Pada tahun 1983, Yang

Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said mula bertugas sebagai tenaga pengajar di Universiti Teknologi Malaysia. Menjelang tahun 1985, beliau ditawarkan mengajar di Universiti Brunai Darussalam (UBD) seterusnya mengasaskan penubuhan Jabatan Sejarah di Universiti Brunai Darussalam (UBD) pada Mei 1987, Yang Berbahagia Datu Dr.Haji Sanib Haji Said dilantik sebagai Ketua Jabatan Sejarah serta pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Brunai Darussalam (UBD). Pada tahun 2013, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, di Kuala Lumpur.

Pengalaman kerjaya Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said telah merangkumi pelbagai jawatan bukan sahaja di universiti, malahan di peringkat pentadbiran tertinggi Kerajaan Negeri Sarawak. Pada mei 1990, belaiu telah dilantik sebagai Setiausaha Eksekutif Majlis Pembangunan Sosial di Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak dan pada Jun 1997, beliau menjadi Pengarah yang ke-16 Jabatan Muzium Sarawak. Semasa bertugas menjadi pengarah muzium, beliau telah melanjutkan pengajian dengan mengambil Certificate in Education in Museums and Galleries, British Council di London pada tahun 1998 dan pada tahun 2003, beliau meneruskan pengajian di Perth Australia mengambil Certificate in Advance Management, University of Western Australia. Setelah bersara dalam perkhidmatan awam Negeri Sarawak, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said kembali dalam dunia akademik. Pada januari 2009, beliau dilantik memegang jawatan akademik sebagai Profesor Madya dan Felo Penyelidik Kanan Kursi Nusantara di Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan kemudian memegang jawatan Rektor Pengarah Institut Pengajian Asia Timur (UNIMAS) sehingga bersara wajib pada tahun 2014. Pada tahun 2014 sehingga sekarang beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak memegang tampuk pentadbiran dan hala tuju perjuangan membela bangsa Melayu Sarawak.

Sebagai pakar dalam bidang sejarah khususnya sejarah Sarawak,

Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said pernah dilantik sebagai pakar runding dan rujuk samaada diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pada tahun 2005, beliau dilantik sebagai pakar rujuk untuk "Dokumentari Jejak Warisan, terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM)" serta pakar rujuk untuk "Muzium Nasional Malaysia" di Kuala Lumpur. Peringkat antarabangsa, beliau merupakan pakar rujuk untuk 2006 Documentary – Tom Harrisson: The Barefooted Anthropologist, ICON Filmss, Bristol for BBC London, pada tahun 2006. Beliau merupakan Penulis Skrip, Video pendek, Kemerdekaan sempena dengan Hari Malaysia pada 16 September 2010 serta pada tahun 2007, pakar rujuk untuk "Dokumentari Nikmat Merdeka, Program 50 Tahun Merdeka, Radio Televisyen Malaysia Sarawak.

Pengiktirafan dalam bidang museology telah melayakkan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said sebagai pakar rujuk untuk Muzium Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada tahun 2005 hingga sekarang. Pada tahun sama juga khidmat kepakaran beliau amat diperlukan di Muzium Petroleum dan Sains Sarawak di Miri dan Muzium Seni Sarawak di Kuching. Menjelang tahun 2006, beliau merupakan pakar runding pembinaan Muzium YAB Pehin Abdul Taib Mahmud di bawah Naim Cendera Sdn Bhd. Keahlian dan kepakaran Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said juga meliputi keakrifan ilmu yang berkaitan Kajian Manuskrip dan Historiografi Melayu. Pada tahun 2010, beliau telah dilantik sebagai ahli Pusat Pengajian Borneo, Universiti Teknologi Mara, UiTM Sarawak untuk tempoh 2 tahun. Pada masa yang sama, turut dilantik sebagai Member of Board Studies: Centre for Built Enviroment, Kulliyyah of Architcture and Enviromental Design, International Islamic University of Malaysia, untuk tempoh selama 2 tahun. Khidmat kepakaran beliau juga diperlukan di Negara Berunai Darussalam pada jun tahun 2010, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said dilantik sebagai ketua projek bagi pengurusan eManuskirp di Pusat Sejarah Brunei. Pada tahun 2013, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said telah dilantik sebagai Konsultan Muzium

Moden Sarawak (MMS) oleh NAIM Holding Berhad.

Kepimpinan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said dapat dilihat dari segi penglibatan beliau dalam badan sukarela dan membela nasib orang Melayu Sarawak. Beliau merupakan pengasas dan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Budaya Melayu Sarawak sejak dari tahun 1993 sehingga 2015, Lembaga Khairat Islam Lawas sebagai Timbalan Pengerusi sejak dari tahun 1998 hingga sekarang, Lembaga Pelawat Sekolah Tunas Bakti sebagai Setiausaha sejak dari tahun 1992 sehingga tahun 1994. Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said turut mendampingi graduan Melayu Sarawak dengan menjadi pengasas dan Yang Dipertua Ikatan Graduan Melayu Sarawak sejak dari tahun 1996 sehingga sekarang. Selain itu, beliau bergiat aktif menjadi ahli pemegang amanah dalam beberapa persatuan dan pertubuhan seperti Sarawak Development Institute, Ahli sejak dari tahun 2000 sehingga sekarang, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak sebagai Timbalan Yang Dipertua dari tahun 1990 sehingga sekarang dan Malaysian Institute of Personnel Management seabagai Ahli Bersekutu pada tahun 1998.

Manakala kepimpinan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said dalam mendampingi masyarakat dapat dilihat dalam penglibatan berorganisasikan kemasyarakatan. Harakah Islamiah Sarawak sebagai Ahli Majlis Tertinggi dan Ketua Belia sejak dari tahun 1997 sehingga tahun 2005, Yayasan Tun Abdul Razak Malaysia sebagai Ahli Lembaga sejak dari tahun 2000 hingga sekarang, Persatuan Ibubapa Guru SRK Gita sebagai Pengerusi pada tahun 1995 sehingga tahun 2000, Panel Anugerah Sastera Sarawak sebagai Ahli pada tahun 1995 sehingga 2000, Majlis Kraf Sarawak sebagai Ahli pada tahun 2000 hingga sekarang, Anib Hldgs. Sdn. Bhd. dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Anib Plantations Sdn. Bhd. dari tahun 2003 sehingga 2005, Persatuan Muzium Malaysia sebagai Naib Yang Dipertua, dari tahun 2005 sehingga 2009, Sarawak Craft Council sebagai Ahli pada tahun 1998 sehingga sekarang dan Lembaga Khairat Melayu Bahagian Limbang sebagai Pengerusi sejak dari tahun 2000 sehingga sekarang.

Kepakaran dalam ilmu Sejarah, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said turut diamanahkan beberapa perlantikkan dan peranan tertinggi dalam kepimpinan, ilmuan di Negeri Sarawak. Beliau beperanan penting dalam menjadi Pakar Rujuk Buku Teks Sejarah Malaysia bagi Sejarah Negeri Sarawak sebagai pakar sejarah yang mewakili Negeri Sarawak. Pada tahun 2022, beliau merupakan PAkar Rujuk, Narator dan Host bagi Dokumentari Negeri Yang Hilang di Sarawak untuk tayangan di Televisyen Sarawak (TVS). Pada tahun yang sama, kepakaran beliau turut mendapat perhatian dari Kerajaan Persekutuan dengan dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia. Kemudian pada tahun yang sama juga, beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Warisan Sarawak (Lembaga Pemegang Amanah Muzium Sarawak) bagi tahun 2022 sehingga 2025. Perlantikkan ini telah dianugerahkan kepada beliau oleh Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Persembahan Seni Sarawak. Pada tempoh tahun 2022 sehingga 2024, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Hal Ehwal dan Adat Melayu oleh Lembaga Hal Ehwal Islam dan Adat Melayu (LHIAM) dibawah Majlis Islam Sarawak (MIS). Manakala pada tahun 2023, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pusat Maklumat Islam yang telah dilantik oleh Majlis Islam Sarawak (MIS).

Sepanjang hayat Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said, beliau berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam penganjuran beberapa seminar, simposium, bengkel wacana dan organisasi acara. Antaranya beliau pernah terlibat dalam Simposium Budaya Sarawak, pada tahun 1998 dan 1999 sebagai setiausaha, Seminar Budaya Melayu Sarawak sebagai Timbalan Pengerusi, World Eco-Fiber Textile Forum, Atelier Society, Sarawak sebagai Pengerusi pada tahun 1999, pengerusi bagi Jawatankuasa Perasmian untuk Kongres Pembangunan Masyarakat Islam Sarawak pada Oktober 1999, perlantikan sebagai Editor, Sarawak Gazette, pada tahun 1990 sehingga tahun 2000, penyumbang penulisan bagi Ensaiklopedia Sejarah dan Budaya Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1998, menubuhkan S.U.P.E.R. – Sudut Pertemuan

Remaja, anjuran Majlis Pembangunan Sosial, penceramah motivasi, Kem. Kepimpinan berdasarkan S. Covey's The 7 Habits of Highly Effective People dan penceramah Belajar Berkesan berdasarkan Tony Buzan's Mind Mapping dan Total Brain Learning.

Bagi mengenang Jasa bakti yang Dicurahkan Sepanjang kerjaya Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said yang telah mejawat perlbagai jawatan pensyarah, di Universiti Malaya, UTM, Universiti Malaysia Berunai, Institut Pengajian Borneo, UNIMAS Serta khidmat Sebagai penjawat awam Negeri Sarawak sebagai Pengarah Muzium Sarawak, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak. Kesemua ini,Menjadi bukti Melayakkan Sanib Menerima anugerah gelaran "Datu" sebagai tauliah Kecemerlangan dalam kerjaya dan perkhidmatan bakti yang dicurahkan kepada Negeri Sarawak. Antara anugerah Penghormatan dan Pingat Kebesaran adalah seperti pada tahun 1997 Pingat PPB (Pingat Perkhidmatan Bakti) Pingat Pentadbiran Awam kerana ketaatsetiaan dan perkhidmatan cemerlang, Pingat PBK (Pingat Bintang Kenyalang Sarawak) kerana ketaatsetiaan dan jasa bakti pada tahun 2001, Pingat PPC (Pingat Perkhidmatan Awam) Sarawak kerana ketaatsetiaan dan perkhidmatan cemerlang pada tahun 2002, Pingat PPG (Pingat Peringatan Delima Gangsa) kerana sumbangan dan jasa bakti sempena dengan sambutan Jubli Delima Sarawak Merdeka pada tahun 2003 dan tahun 2008 di anugerahi Pingat JBS (Jasa Bakti Negeri Sarawak) kerana jasa dan perkhidmatan kepada Negeri Sarawak.

Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said merupakan seorang ahli akademik dan ahli birokrat serta seorang yang amat prolific dalam bidang penulisan buku, artikel jurnal dan monograf dalam pelbagai aspek bidang disiplin ilmu. Beliau juga telah melahirkan ramai garduan bukan sahaja di peringkat ijazah pertama dan ijazah Sarjana termasuk doktor falsafah sewaktu beliau mengajar di Universiti seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Univeristi Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Kesarjanaan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said yang meliputi

bidang penyelidikan beliau seperti Kajian Manuskrip dan Historiografi Melayu, Falsafah dan Teori Sejarah Sejarah, Ketamadunan dan Dasar Negara, Sejarah Dunia Melayu, Politik Sarawak dan Museology. Berikut dipaparkan hasil karya penulisan ilmiah bagi sepanjang hayat, masa dan zaman Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said.

**Penerbitan**

Tesis

Sanib Said, *"Anti-Cession Movement in Sarawak, 1946-1953",* BA Thesis, Jabatan Sejarah, 1976, Universiti Malaya

Sanib Said, *"Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy",* 1981, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

Sanib Said, *"Description of General Bennett's Personal Papers"*, Post Graduate Diploma Thesis, 1981University of New South Wales, Australia

Sanib Said, "Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam Dangan Temenggong Kadir Negeri Saribas: Kajian Pensejarahan Melayu", PhD Sejarah, 2013, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

**Buku**

Sanib Said, *"Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas", dalam Khoo Kay Kim (ed.), Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Sanib Said (Editor bersama), *Hari Ini Dalam Sejarah III*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1983.

Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1945-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, Singapore:1985: Oxford University Press, 1985.

Sanib Said, *Yang Dikehendaki: Biografi Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Ahmad Zaidi Adruce Mohd.* Nor, Kuching: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching,1992.

Sanib Said (Editor bersama, Dato Taha Ariffin, Othman Yatim dan Muhamad Yassin), *Katalog Muzium Islam Sarawak*, Kuching: Jabatan Muzium Sarawak, Kuching, 1993

Sanib Said (Editor bersama Awg. Hasmadi Awg. Mosi), *Masyarakat Melayu Sarawak*, Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2003.

Sanib Said & Allen Maxwell, *Two Manuscripts from Sarawak Museum, Chapter I, Introduction: Malay-Jawi Manuscripts In Borneo, Malay Historical Writings Series*, Kuching: Sarawak Museum, 2005.

Sanib Said, *Dahulu Terasing, Kini Terjalin: Bahagian Limbang, Pejabat Residen, Bahagian Limbang*, Sarawak: Pejabat Bahagian Limbang, 2010.

Sanib Said, *Malay Politic in Sarawak, 1946-1966* (Edisi kedua), Kota Samarahan: Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak, 2011.

Sanib Said, *"Soal Peta, Bumi dan Hati: Sejarah dan Masyarakat Perbatasan Sarawak-Kalimantan"*, bab dalam Ramlah Muhamad et al, Ed., Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Malaysia-Indonesia, Persatuan Sejarah Malaysia, cetakan kedua, 2012.

Sanib Said, *"Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak Yang Hilang"*, CREAM, Current Research in Malaysia,I,1, MOHE, Oktober 2012.

Sanib Said, *22 Julai 1963: Sarawak Merdeka*, Kuching: Jabatan Ketua Menteri, 2013.

Sanib Said, *Melayu Sarawak: Sejarah Yang Hilang*, Kursi Nusantara, Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2013.

Sanib Said, *Menunggu Laila: Sebuah Antologi Puisi*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2017.

Sanib Said, *Politik Melayu Di Sarawak 1946-1966, Bersatu ke Mercu Kuasa*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu, 2015.

Sanib Said & Azuan Jemat, *Bangsawan Sultan Tengah, Sultan Sarawak Darul Hana*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2020.

Sanib Said, *Negeri Santubong, Sejarah Awal Sarawak, 300ESS-1647ES*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2021.

**Makalah Dalam Jurnal Akademik**

Sanib Said, *"The Identities of Sharip Mansor of Sarawak-Brunei and Syed Mashor of Selangor"*, Sarawak Museum Special Centenary Issue, Kuching, Sarawak, 1983.

Sanib Said, *"Brunei 1839 – 1983 by Ranjit Singh: A Book Review"*, Journal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1983.

Sanib Said, *"Brunei in the 16th Century: A Period of Glory", Asian Culture A Special Issue on Brunei*, Hongkong, 1990.

Sanib Said, *"The History of Sarawak: Where Do We Begin?"* Sarawak Museum Journal, 1999, hlm.211-255.

Sanib Said, *"A History of Democratic Institutions in Sarawak: The Origins of the Supreme Council and Council Negeri",* Sarawak Museum Journal, 2004, hlm.1-19.

**Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa/Kebangsaan**

Sanib Said, *"Pergolakan Politik Sarawak"*, kertas kerja, Persatuan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia,1983.

Sanib Said, *"Brunei Historiography: A Survey and Evaluation",* International Asian Historians Association (IAHA), Oktober, Singapore,1984.

Sanib Said, *"Brunei Lama: Huraian Teori Penghijrahan"*, Seminar Antarabangsa: Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, 1987.

Sanib Said, *"Early Port-Cities of Sarawak: Formation of Sarawak's Polity"*, Borneo Research Council Conference, Kuching, Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"The Race Against Time and Space: Oral History in Sarawak"*, International Conference on Oral History, Arkib Negara Malayisa, Kuala Lumpur,1993.

Sanib Said, *"Preservation and Utilization of Cultural Heritages: A Malaysian State of Sarawak's Experience",* ASEAN-ROK Future-Oriented Cooperation Project; 2003.

Sanib Said, *"Cultural Leadership Exchange Programme, 1-7 September 2003",* Seoul and Sucheon, Republic of Korea, 2003.

Sanib Said, *"Balancing National Vision and Ethnic Aspirations: The Experiences at Some Malaysian Museums"*, Museum Australia National Conference, Museum Australia, Melbourne, 16-21 May, 2004.

Sanib Said, *"Changing and Managing Colonial Museum: Museums in Sarawak",* Museum Seminar, Deakin University, Melbourne, 2004.

Sanib Said, *"National Versus Ethnic Cultures: The Experiences of the Sarawak Museum"*, European Southeast Asian Studies Conference, Paris, France, 2004.

Sanib Said, *"Sejarah Penyebaran Hadrah di Sarawak: Penciptaan Kebudayaan Pesisir"*, Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-1, Institut Kajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, Samarahan, 29-30 Ogos 2005.

Sanib Said, *"Kajian Manuskrip Melayu-Jawi di Borneo: Tinjauan Selayang Pandang"*, Seminar Manuskrip Kesultanan Melayu Borneo, Kuching, Sarawak, November, 2006.

Sanib Said, *"From Balai and General Council To Supreme Council and Council* Negeri: The Origins of Modern Democratic Institutions and Practices in Sarawak", Persidangan Antar Universiti SeBorneo-Kalimantan, Institut Pengajian Asia Timur dan Universiti Malaysia Sabah, 16-17 Julai, Kota Kinabalu, 2009.

Sanib Said, *"Pembentukan Negeri Melayu: Pembacaan Pascamodenisme Awal Syair Tarsilah Cetera Abang Godam Dangan Temenggong Qadir Negeri Saribas",* Persidangan Antarabansa Manuskrip Melayu, Jabatan Sejarah dan Akademi Melayu, Universit Malaya, Kuala Lumpur, 1 – 3 Disember, 2009.

Sanib Said,*"Soal Peta, Bumi atau Hati: Sejarah dan Masyarakat Perbatasan Sarawak-Kalimantan",* Dialog Memori Sejarah Malaysia-Indonesia, anjuran Persatuan Malaysia dan Malaysia Indonesia Eminent Person Group, Johor Baharu, 31-2 Oktober, 2010.

Sanib Said,"Sejarah Awal Sarawak Sebelum 1400", Seminar Polemik Sejarah, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 9 November 2011.

Sanib Said, *"Sarawak Sebelum Brooke dan Brunei: Empat Negeri Melayu Yang Hilang",* Syarahan Sejarah, Kursi Nusantara, Institut Pengajian Asia Timur, UNIMAS; Ikatan Graduan Melayu Sarawak, Persatuan Sejarah Malaysia C. Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak dan Yayasan Budaya Melayu Sarawak, Bilik Niah, Muzium Sarawak, Kuching, Sarawak, 26 November 2011.

Sanib Said,*"Negeri Saribas: In Search of a Lost Kingdom and Manuscript",* Conducting Archival Research in Borneo: In Search of a Lost Kingdom, Tribes and Voices, Institute of East Asia Studies, UNIMAS, Sarawak, 15 Januari 2012.

Sanib Said, "*From Buzz to iCloud: A Personal Cyber Journey in Sarawak",* Borneo Heritage Symposium, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, 16 Februari 2012

Sanib Said, "*Sejarah Awal Sarawak Sebelum 1400",* Seminar Polemik Sejarah Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Simunjan, Samarahan, Sarawak, 18 Februari 2012.

Sanib Said, *"The Myths of Origins of the Kingdom of Brunei: Rereading and Interpretations of the Rangau Manuscript and Syair Awang SimaCun",* BRC, UBD, Brunei Darusalam, 25-26 June 2012.

Sanib Said, "*Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam dan Temenggong Qadir: Pembentukan Negeri Minangkabau-Brunei",* MANASSA, Jogjakarta, Indonesia, September 2012.

**Kertas Kerja Persidangan/Seminar Negeri**

Sanib Said, *"Masyarakat Melayu Sarawak, 1841-1941: Sejarah Kejatuhan Kuasa Melayu",* Seminar Budaya Melayu Sarawak I, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, atas jemputan, Kuching 5-6 Jun 1988.

Sanib Said, *"Kota-Kota Pelabuhan Awal di Sarawak: Pembentukan Politi Tersendiri",* Seminar Sehari Sejarah Sarawak, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching, 2 Ogos, 1988.

Sanib Said, *"Pakaian Melayu Sarawak Tahun 1840-an: Pandangan Hugh Low",* Bengkel Pakaian Tradisional, Melayu Sarawak, Kuching, 23hb - 24hb November, 1990.

Sanib Said, *"In Search of Lost Manuscripts and Tribes: Library and Archival Research In Sarawak",* Forum on Approaches and Methods of Fieldwork in Cultural Studies, Universiti Pertanian Bintulu, Sarawak, 9-11 July, 1991.

Sanib Said, *"Melayu Dalam Sejarah Sarawak: Satu Iktibar"*, Seminar Budaya Melayu Sarawak II, Kuching, Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"Kebudayaan Kaum-Kaum Sarawak: Mencari Nilai-Nilai Murni dan Saksama Demi Perpaduan",* Kongres Perpaduan Bumiputera", Kuching, Sarawak, 12 - 13 April, 1997.

Sanib Said, *"Sejarah Masyarakat Melayu Sarawak: Impian dan Perjuangan"*, Seminar Sempena Sambutan Ulangtahun Ke-40, Persatuan Melayu Miri, Miri, Sarawak, 14 – 15 Ogos, 1999

Sanib Said, *"Sastera Rakyat: 123 Tahun Usaha Muzium Sarawak",* Bengkel Sastera Rakyat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuching, Sarawak, 2006.

Sanib Said, *"Pensejarahan Sarawak: Memperbaharui Makna Lama"*, Seminar Sejarah Sarawak 2006, Kuching, Sarawak, September, 2006.

Sanib Said, *"Kesamaan dan Pengukuhan Budaya: Melawat Semula Negara-Bangsa",* Sarawak Cultural Symposium, 17-19 July, 2009, Kuching, Sarawak, 2009.

Sanib Said, Pembentukan Negeri Melayu: Pembacaan Pascamodenisme Awal Syair Tarsilah Cetera Abang Godam Dangan Temenggong Qadir Negeri Saribas, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu, Universiti Malaya, 1-3 Disember, 2009.

Sanib Said, *"Kertas kerja untuk Dialog Memori Kolektif Kesejarahan Malaysia-Indonesia",* anjuran Persatuan Sejarah Malaysia dan Warisan Johor, Johor Bahru, Malaysia, 1-3 Oktober 2010.
2011 *"Sarawak Sebelum Brunei dan Brooke: 6 Negeri Melayu Yang Hilang",* Wacana Inteltektual Melayu 6, Syarahan Sejarah, anjuran Ikatan Graduan Melayu Sarawak, Kursi Nusantara, UNIMAS, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kucing, 11 Disember 2011.

**Makalah Dalam Majalah**

Sanib Said, *"Anti-Cession Movement, 1945-1951",* Sarawak Gazette, Kuching, 1976.

Sanib Said, *"Pertumbuhan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Sarawak",* Sarawak Gazette, Kuching, Sarawak, 1979.

Sanib Said, *"Nasionalisme Melayu di Sarawak",* Widya, Kuala Lumpur, 1980.

Sanib Said, *"Penemuan Minyak di Sarawak",* Widya, Kuala Lumpur, 1980.

Sanib Said, "*Trusan Bazaar: Images Before the Big Fire*", Sarawak Gazette, Kuching, Sarawak, 1981.

Sanib Said, *"The End of Brooke Rule by R. Reece: A Book Review",* Sarawak Gazette, Dec., Kuching, Sarawak,1982.

Sanib Said, *"Pulau Amboyna Cay dan Sprattlys Jadi Rebutan",* Dewan Masyarakat, November, Kuala Lumpur, 1982.

Sanib Said, *"Sejarah Labuan Bertukar Tuan",* Dewan Masyarakat, Mei, Kuala Lumpur, 1984.

Sanib Said, *"Bahang Politik di Sarawak",* Dewan Masyarakat, Jun, Kuala Lumpur, 1984.

Sanib Said, *"In Search of Lost Tribes and Manuscripts: Archival Research in Sarawak",* Sarawak Gazettee, Kuching, Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"1963-1993: Sarawak 30 Years Ago",* Sarawak Gazettee Special Issue, Kuching Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"Datuk Patinggi Tan Sri Hj. Abdul Taib Mahmud 30 Years Ago: Two Historic Speeches"*, Sarawak Gazettee Special Issue, Kuching, 1993.

# POPULARITI GPS: PERSPEKTIF DATA, POLA PENGUNDI DAN PERSEPSI RAKYAT:

**Awang Azman Awang Pawi, Suffian Mansor,**
**Novel Anak Lyndon, Lucy Sebli, Juna Liau,Stanley Bye Kadam,**
**Dick Lembang Anak Dugun**

## PENDAHULUAN

Prestasi Gabungan Parti Sarawak (GPS) Sarawak dijangka memberikan impak positif kepada landskap politik negeri Sarawak. Pilihan raya negeri (PRN) Sarawak ke-12, yang diadakan pada 18 Disember 2021 merupakan tonggak bersejarah bagi negeri Sarawak. Ia merupakan penyertaan pertama Gabungan Parti Sarawak (GPS) dalam PRN setelah BN Sarawak keluar daripada Barisan Nasional (BN) dan menukar namanya kepada Gabungan Parti Sarawak. Perubahan ini berlaku setelah kekalahan Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum 2018.

PRN negeri Sarawak juga merupakan ujian terbesar bagi Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abang Johari, yang kali pertama mencalonkan diri sebagai Ketua Menteri. Sebelum ini, beliau mengambil alih mandat dari almarhum Adenan Satem, yang meninggal dunia secara mengejut akibat komplikasi jantung. Ini merupakan mandat pertama bagi Abang

Johari yang perlu dipertahankan untuk memimpin pentadbiran negeri Sarawak.

PRN Sarawak merupakan pilihan raya negeri pertama berdepan akibat Covid-19 dan ini membawa kebimbangan kepada pengundi untuk turun mengundi. Pilihan raya ini tidak sama seperti di Melaka, kerana di Melaka PRN berlaku akibat pergelutan berebut kuasa dalaman parti dan perebutan jawatan Ketua Menteri Melaka. Sedangkan di PRN Sarawak berlaku kerana penggal tempoh Dewan Undangan Negeri (DUN) sudah tamat, kemudian apabila tamat pula, diisytiharkan darurat. Terdapat dua darurat di negeri Sarawak sebelum darurat diperkenankan dipendekkan.

Hal ini kerana kes covid 19 di Sarawak semakin menurun dan kini hanya mencatatkan 50 kes berbanding ( 15 Disember 2021), berbanding kes Covid pada bulan lepas mencatatkan ratusan kes Covid-19. Hal ini menandakan PRN Sarawak sesuai diadakan pada masa kini memandangkan kes semakin berkurangan, vaksinasi sekurang-kurangnya dos selesai dos kedua mencapai tahap 90 peratus. Namun keadaan cuaca tidak menentu pada bulan Disember boleh menjejas kempen dan kadar turun mengundi dijangka minimum 60 peratus berbeza pada PRN Sarawak 2016, sebanyak 68 peratus. Selain itu, terdapat faktor kebimbangan risiko akan wabak Covid-19. Dalam sejarah politik Sarawak, inilah kali ke-2 Sarawak mengadakan pilihan raya pada bulan Disember selepas PRN Sarawak yang ke-4 pada tahun 1983.

Bagi memahami dan menilai situasi budaya politik dan tingkah laku pengundi di Sarawak Kajian Rentas Universiti ini negeri ini dilakukan oleh kumpulan penyeldiikan diketuai oleh penulis selaku felo penyekidik dari Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL) dengan kerjasama bersama Astro Awani memimpin kajian rentasan universiti bersama UKM dan UNIMAS baru-baru ini. Kajian ini melibatkan 2190 responden soal selidik dan in-depth interview bersama lebih 450 informan secara individu dan fokus group serata tempat di Sarawak. Kajian intensif intensif telah dilakukan dalam tempoh 20-27 November 2021 dan pada 8-14 Disember 2021).Kajian ini mewakili

semua komposisi etnik, kaum, jantina, umur, lokaliti dengan sejumlah 60 enumerator yang turut dikawal oleh 10 penyelia.

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dan multi dimensi. Kaedah deskriptif ini lebih praktis, tidak terlalu teoritikal, dan lebih luwes dalam memberikan interpretasi dan banyak digunakan dalam kajian politik di lapangan termasuk di luar negara. Kaedah multi dimensi pula memberikan ruang analisis yang lebih dinamik dan penggunaan pembolehubah yang luas dan pelbagai. Pembolehubah pula bukan terhad pada faktor profil responden akan tetapi pada tingkah laku dan bentuk pilihan mereka. Ini membolehkan survei mendapatkan nuansa yang lebih terperinci berkenaan bukan sahaja mendapat apa-apa berkaitan sentimen akan tetapi mampu juga mampu menganalisis dengan lebih terperinci dan pelbagai dimensi. Ralat kesilapan ialah 2 manakala tahap keyakinan sebanyak 95 peratus.

**Pengundi lebih memilih parti daripada calon**

Daripada kajian dibuat, 59.3 peratus memilih parti daripada calon dan sekitar 40.7 peratus pula memilih calon. Dengan kata lain, di Sarawak, pola pemilihan parti dilihat lebih dominan berbanding faktor calon. Mana-mana pertandingan berdasarkan prestasi parti, nama baik parti dan imej parti akan memberikan kesan besar dan menjadi penentu kemenangan. Misalnya, parti Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) adalah jenama politik yang membawa kepada keyakinan dan kepercayaan rakyat di negeri Sarawak. Maka, PBB sebagai tulang belakang Gabungan Parti Sarawak (GPS) dijangka akan memenangi hampir keseluruhan 47 kerusi yang dipertandingkan.

Faktor berdasarkan calon walaupun tidaklah sedominan faktor parti, namun dalam beberapa kerusi, hal ini sangat menentukan kemenangan. Misalnya, walaupun kerusi Dudong dikenali sebagai kawasan yang dikuasai pembangkang, apabila Pengerusi PDP bertanding, maka kerusi DUN Dudong yang sebelum ini penyandangnya ialah PSB, namun dipercayai semakin optimis apabila Tiong King Sing, ahli Parlimen

Bintulu bertanding di kawasan tersebut. Hal ini kerana faktor calon, iaitu Tiong King Sing dianggap calon popular dalam kalangan masyarakat setempat tersebut. Tambahan pula, calon penyandang terdahulu, Datuk Tiong Thai King, yang popular telah meletak jawatan dalam PSB dan membuat kenyataan untuk memilih GPS di Dudong.

Di beberapa kerusi panas dalam PRN Sarawak, beberapa DUN dikenali pasti cenderung kepada faktor calon. Misalnya di kerusi Krian, Pakan, Engkelili dan Ba'Kelalan. Namun, perubahan sentimen boleh sahaja berlaku akibat kempen dan strategi dalam persaingan sesama calon yang bertanding.

**Isu Rakyat**

Berdasarkan kaji selidik dan wawancara mendalam di lapangan juga mendapati faktor kenaikan harga barang, kemudahan infrastruktur dan capaian internet, isu peluang pekerjaan dan pembangunan setempat adalah antara faktor yang menjadi isu utama di kawasan-kawasan pilihan raya. Rakyat misalnya, berasa kenaikan harga barangan perlu dikawal kerana hal berkenaan menyebabkan ketidakmampuan rakyat untuk terus sukar berdepan dengan masalah ini. Mereka mengharapkan kerajaan melakukan pelbagai langkah menangani isu ini agar kesejahteraan rakyat dapat disantuni dengan lebih baik.

**Pengurusan Negeri**

Persepsi pengundi terhadap pengurusan negeri Sarawak pula meletakkan pengurusan baik dalam kedudukan 68 peratus. Aspek pengurusan ini termasuklah dalam aspek bantuan dan kebajikan rakyat Sarawak, pengurusan ekonomi negeri, tadbir urus Kerajaan Negeri, hubungan etnik, dan pengurusan sumber negeri Sarawak. Dalam aspek bantuan dan kebajikan rakyat misalnya, mendapat kedudukan tinggi dalam pilihan rakyat apabila Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) bernilai RM5.3 bilion mampu mengurangkan kesan dan menangani impak akibat pandemik Covid-19.

Langkah diakui oleh responden dalam beberapa temu bual termasuk dasar pengecualian (April 2020-Jun 2021) bayaran permit dan lesen perniagaan yang melibatkan kos lebih RM20 juta. Begitu juga pemberian diskaun 25 peratus kadar cukai pintu yang melibatkan perbelanjaan RM240.47 juta, selain memberikan diskaun sehingga 25 peratus bil elektrik dengan Kerajaan Negeri menanggung lebih RM500 juta untuk membantu rakyat mengurangkan bil elektrik tersebut.

## Isu Perjanjian Malaysia 1963

Perkara yang menarik apabila berpeluang ke lapangan, khususnya di kawasan luar bandar, hampir majoriti pengundi berpandangan isu utama adalah isu-isu bersifat setempat yang lebih banyak mempengaruhi keputusan dan kecenderungan mereka untuk memilih wakil rakyat. Misalnya, isu mengenai kenaikan harga, isu jalan kampung yang perlu dinaik taraf, peluang pekerjaan dan masalah asas infrastruktur setempat. Isu MA63 kurang menjadi isu besar dalam kalangan masyarakat, khususnya di luar bandar.

## Kerusi Panas

Tidak kurang 13 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dikatogerikan sebagai kawasan panas yang menyaksikan persaingan sengit antara calon mewakili Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan pembangkang, terutama PKR, DAP, Parti Bumi Kenyalang (PBK) dan Parti Sarawak Bersatu (PSB), selain calon Bebas.

Antara kerusi panas berkenaan termasuklah Opar, Batu Kawah, Ba'Kelalan, Krian, Dudong, Ngemah, Telang Usan, Pujut, Engkilili, dan banyak lagi. Kebanyakannya masih dikuasai pembangkang yang sudah pasti menjadi sasaran utama untuk dirampas GPS pada PRN kali ini. Namun, terdapat perubahan kawasan panas, misalnya, kerusi Dudong dikenali sebagai kawasan kubu kuat pembangkang, namun kini selepas penyandang kerusi tersebut, iaitu Tiong Thai King menyeru agar pengundi Dudong mengundi GPS, maka terdapat sentimen dan angin

perubahan mulai berlaku. Tambahan pula, Presiden PDP, Tiong King Sing bertanding di Dudong yang dikenali sebagai ahli politik popular dan mempunyai keluarga yang ramai di Dudong. Hal sedemikian inilah antara contoh perubahan dinamik yang berlaku kerana soal selidik dilakukan sebelum penamaan calon dan situasi kini ada yang sudah berubah.

**Faktor kemenangan**

Antara faktor yang dijangka membantu kemenangan calon GPS termasuklah berpunca daripada pelbagai bantuan di bawah program Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) bernilai RM 5.3 bilion, sama ada dalam bentuk wang tunai, mahu pun barangan disalurkan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Abang Openg, terutama semasa rakyat dilanda masalah Covid-19 berjaya mengurangkan kesan dan menangani impak lebih buruk akibat pandemik Covid-19.

Sumber kewangan baharu Sarawak bagi menampung BKSS tersebut adalah hasil daripada cukai jualan negeri (SST) ke atas produk petroleum maka, sebab itu Abang Johari dilihat mampu berunding dengan Putrajaya dan boleh menentukan kehendak Sarawak yang menjadikannya mempunyai keupayaan melaksanakan pelbagai pakej bantuan termasuk BKSS untuk mendepani pandemik Covid-19. Kebijaksanaan ini membantu meningkatkan populariti Abang Johari dan GPS yang dipimpinnya yang dijangka mendapat kemenangan majoriti dua pertiga yang bergaya dalam PRN Sarawak ini.

**GPS berada tahap selesa berbanding parti lain**

Hasil kajian rentas universiti ini mendapati GPS berada pada tahap yang selesa berbanding parti lain. Terdapat beberapa kocakan yang berlaku dalam pemilihan calon misalnya, namun ia diharmonikan dengan kesetiaan kepada parti yang banyak memberikan sumber kepada kemenangan parti. Kerusi kubu kuat PBB misalnya di Tebedu, Jepak,

Lingga misalnya terdapat sedikit pergolakan pada awal pencalonan, namun diselesaikan dengan semangat kesetiaan kepada parti melangkaui kepentingan individu dan ini menjadi asas kepada kunci kekuatan parti PBB.

Hasil kerja lapangan terkini sehingga 15 hb Disember, dapat dirumuskan GPS kini mendahului di 61 kerusi, antaranya ialah termasuklah di Gedong, Bukit Sari, Semariang, Tanjung Datu, Bukit Kota, Muara Tuang, Sadong Jaya, Simunjan, Sebuyau, Kalaka,Daro, Nangka, Tellian, Dalat, Baleh dan Belaga. Kesemua kerusi ini sedang mengatasi kerusi-kerusi lawan mereka setakat ini. Tidak mustahil dengan bantuan kerajaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, pengundi berasa lunak dengan hegemoni dan apparatus kuasa GPS yang telah banyak menaburkan sumbangan bantuan bagi membantu meringankan beban rakyat pelbagai lapisan dan ideologi menjadikan jumlah kemenangan GPS akan meningkat sehingga maksimum 76 kerusi. Situasi ini tertakluk kepada strategi ampuh GPS khususnya PBB memainkan peranan mereka di kawasan Ketika saat-saat akhir sebelum hari mengundi. Situasi politik naungan masih lagi berlaku dengan jelas khususnya di kawasan luar bandar di kawasan bumiputera seperti kawasan etnik Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh dan Orang Ulu.

Parti pembangkang pula dilihat begitu kuat dan sengit kini mendahului di beberapa kawasan termasuklah Bawang Assan, Bakelalan, Engkelili, Ngemah dan Padungan. Kawasan sengit dan kuat juga ialah di Bukit Assek, Kota Sentosa, Batu Lintang, Opar dan Batang Air. GPS perlu bekerja kuat tiga kali ganda untuk menawan kawasan tersebut.

Begitu juga, di beberapa kawasan yang dilihat GPS dan pembangkang mempunyai peluang yang sama dan masih ada peluang untuk dimenangi asalkan mempunyai senjata politik terakhir khususnya 24 jam sebelum hari mengundi. Antara kawasan tersebut ialah Tanjung Batu, Pending, Pujut, Meluan, Balai Ringin, Pelawan, Lingga, Mambong, Balai Ringin dan Tamin.

Kerusi kelabu hitam boleh dikenalpasti secara mudah sekiranya berlakunya kunjungan Ketua Menteri Sarawak seperti lawatan ke Ngemah

dan Krian misalnya. Jika pemutihan berjaya dilakukan ia akan mampu kekal 72 kerusi untuk dimenangi atau lebih banyak lagi kerusi.

Terdapat juga kerusi yang dahulunya hitam kini bertukar menjadi kelabu putih. Pertukaran ini disebabkan oleh faktor dan dinamik politik yang berlaku di kawasan tersebut. Misalnya, apabila Ali Biju menarik diri bertanding sebagai calon Bebas, peluang calon PDP/GPS, iaitu Friday Belik untuk memenangi kerusi Krian.

Begitu juga di DUN Dudong apabila Tiong Thai King tidak lagi bertanding di Dudong dan beliau membuat kenyataan agar penyokongnya mengundi GPS, ini memberikan impak besar kepada pola pengundian di Dudong. Lebih-lebih lagi kerusi Dudong mendapat saingan hebat apabila Presiden PDP Tiong King Sing bertanding di Dudong yang merupakan kampung halaman, pengaruh selaku presiden parti, sudah dikenali ramai berbanding calon. Justeru, peluang DUN Krian dan Dudong jatuh ke tangan GPS adalah tinggi jika diikuti dengan kempen yang lebih strategik.

Berdasarkan perkiraan di lapangan , GPS yang sudah menguasai 61 kerusi DUN hanya perlu 11 kerusi untuk mengekalkan rekod kemenangan pada PRN 2016. Hal ini bergantung juga kepada strategi akhir, rayuan akhir pemimpin utama mereka, kelicikan berpolitik, penggunaan *carpet bombing* untuk menggempurkan kawasan kelabu/hitam. Komunikasi jentera dan komunikasi politik perlu bergerak seiring memandangkan beberapa perkara strategik perlu disampaikan kepada pemimpin parti. Sikap mengabaikan suara akar umbi, komunikasi strategik kurang berkesan boleh mengugat kedudukan GPS walaupun kemenangan 2/3 hampir buat GPS.

Namun sudah pasti Ketua Menteri Sarawak interim, YAB Abang Johari mahukan kemenangan bergaya, sama ada mahu mengekalkan kemenangan 72 kerusi atau lebih baik daripada pencapaian Adenan Satem. Maka, tindak tanduk dan komunikasi politik pengerusi GPS sangat menentukan pencapaian tahap cemerlang GPS selain dibantu komunikasi efisien jentera di sekelilingnya. Langkah ke hadapan perlu ada untuk melakukan kejutan yang lebih baik buat GPS.

## Kempen dan SOP

Setakat kempen semakin rancak berdasarkan norma baru akibat covid-19. Ini tak semeriah PRN sarawak 2016. Meskipun ada sekatan SOP namun calon dan parti mempunyai kreativiti dalam berkempen melalui media sosial. Tak kurang juga yang menyebarkan pamplet mengambil kesempatan sambil berinteraksi dengan pengundi. Calon kebanyakan tak berpuas hati dengan SOP yang yang terlalu ketat. Ternyata kempen bersemuka dan media sosial sangat diperlukan. Namun di luar bandar kempen bersemuka lebih penting daripada kempen media sosial dan menentukan kemenangan calon.

Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikenakan terhadap PRN Sarawak dilihat menguntungkan parti pemerintah, iaitu GPS. Apabila terdapat 64 DUN dibenarkan kempen secara fizikal kerana kadar liputan 4G rendah, ini sebenarnya lesen besar kepada GPS memanfaatkan focus mereka memastikan kesemua 64 DUN tersebut mampu menang. Sementara di kawasan bandar terutama kubu kuat pembangkang seperti di Kuching, Sibu, Miri misalnya sukar untuk berkempen dan hanya bergantung kepada penggunaan media sosial sahaja. Bermakna pembangkang melalui situasi sukar untuk berkempen.

## PSB dan Pembangkang

PSB merupakan ancaman politik kepada bukan sahaja kepada GPS akan tetapi kepada DAP dan PKR. Dalam PRN 2021 didapati persaingan sebenar ialah parti GPS, PSB, DAP dan PKR. Parti lain dilihat kurang impak dalam PRN Sarawak kali ini.

Walaupun PSB parti baru, namun strategi media dan komunikasi PSB dilihat ke hadapan berbanding rakan sekutu pembangkang mereka. Malah undi Cina dan bumiputera yang dimiliki SUPP dan PH ada potensi dapat ditarik oleh PSB meskipun tidak banyak ia mampu membawa peralihan fasa penerimaan pengundi Sarawak kepada PSB. Dari segi keberkesanan kempen media sosial secara menyeluruh, didapati PSB mendahului populariti media sosial SUPP. Dari segi engagement terdapat 86.3

peratus untuk PSB manakala untuk SUPP adalah sebanyak 13.7 peratus. Namun dari segi pemasaran digital politik, secara individu presiden SUPP mendahului semua, namun tidak membawa jenama SUPP yang menyeluruh.

Sekiranya PSB bekerja keras lebih maksimum di saat akhir kempen maka PSB dijangka mampu memberikan impak terhadap beberapa kerusi dayak misalnya Ngemah, Engkelili, Bakelalan, Opar, Batang Air. Begitu juga Simanggang, Meluan, Balai Ringin dan Tamin dijangka berlakunya persaingan besar apabila PSB cuba menggempur secara besar-besaran. Namun GPS juga turut membuat serangan ala carpet bombing di kawasan panas tersebut yang membolehkan GPS berpeluang besar juga menang di kawasan-kawasan tersebut.

Di kerusi Batu Lintang pula PSB bergantung kepada politik personaliti See Chee How bagi kemenangan pertama PSB. Itu pun jentera See Chee How perlu bekerja dengan lebih kuat lagi di saat akhir kempen.

Bawang Assan, Bakelalan, Engkelili, Ngemah ialah kerusi harapan utama besar PSB untuk dimenangi. Di sinilah terletak masa depan dan talian hayat politik pemimpin PSB untuk memastikan PSB terus relevan atau berkubur selepas pasca-PRN Sarawak. Kelemahan kempen PSB dan pembangkang kali ini ialah gagal mengemukakan calon bakal Ketua Menteri untuk mendapat penilaian daripada pengundi mereka sendiri. Hal ini menyebabkan kredibiliti PSB terjejas kerana tidak mampu menamakan bakal Ketua Menteri dan dilihat sekadar untuk bermain dengan retorik dan sentiment semata-mata.

Begitu juga isu tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) pembangkang memainkan sentimen ini namun tidak mencadangkan mekanisme untuk menyelesaikan masalah tersebut. Terdapat juga manifesto tidak realistik, misalnya Parti Bumi Kenyalang (PBK) menawarkan pemberian wang tunai RM3,000 kepada penduduk Sarawak tanpa memberikan mekanisme memperoleh sumber kewangan tersebut. Begitu juga, usaha agar mahkamah mengisytiharkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sebagai tidak sah dan dengan itu, Sarawak patut meninggalkan Persekutuan

Malaysia dianggap majoriti responden sebagai idea terlalu melampau dan sukar diterima.

Dap Sarawak pula dibebani dengan isu kegagalan PH apabila 22 bulan berkuasa dan gagal melaksanakan royalti 20 peratus kerana Lim Guan Eng ialah Menteri Kewangan Ketika PH berkuasa. Begitu juga kenyataan Lim Guan Eng Sarawak bahawa Sarawak akan muflis dalam 3 tahun namun tidak berlaku menjadi senjata kritikan penyokong mereka sendiri. Malah persepsi pembatalan projek infrastruktur PH termasuk jambatan Sungai Batang Lupar, Jambatan Igan dan Jambatan Rimbungan menjadi mimpi ngeri pengundi di Sarawak terhadap DAP dan PH. Walaupun PKR Bersama PH, ramai pengundi simpati pergolakan dalaman PKR akibat Langkah Sheraton dan ini memerlukan masa untuk PKR Sarawak untuk pulih kembali termasuk di Sarawak. Namun simpati ini dijangka tidak sampai dalam bentuk undi kerana hegemoni GPS begitu ampuh untuk ditentang.

## GPS

GPS ialah jenama baru politik selepas keluar dari Barisan Nasional. Pada mulanya logo GPS kurang dikenali apabila mulai diperkenalkan. Namun selepas beberapa tahun, semakin ramai sudah mengenali logo GPS dan dikaitkan dengan jenama politik tempatan. Berdasarkan soal selidik penggunaan logo GPS semakin diterima oleh sebanyak 81.5 peratus responden.

Apabila covid-19 melanda negara, Sarawak terkesan dengan dari segi ekonomi dan kesihatan. Namun peranan GPS sebagai kerajaan penyandang telah memberikan impak kepada pengundi. Lebih RM 5.3 bilion telah dibelanjakan bagi program Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) dalam bentuk diskaun, penangguhan, pengecualian, bakul makanan, skim kredit mikro dan sebagainya. Ditambah pula dengan program bantuan kerajaan pusat seperti moratorium bank. Kesemua ini memberikan impak positif kepada rakyat Sarawak walaupun ia bersifat sementara. Baru-baru ini kelulusan pindaan Perlembagaan mengenai Perjanjian Malaysia 1963

telah memberikan imej bahawa hanya Sarawak mempunyai suara yang lebih kuat di Malaysia melalui peranan GPS. Ia juga memberikan imej GPS sahaja yang mampu mengimbangkan kuasa dan pengaruh kerajaan pusat. Kelulusan pindaan perlembagaan dan cukai jualan negeri (SST) Petronas memberikan imej bahawa Sarawak telah diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan pusat sejak GPS mentadbir secara sendiri walaupun atas entiti mesra PN. Kesemua ini memberikan kelebihan GPS untuk memenangi pilihan raya negeri Sarawak. Maka, naratif digunakan oleh GPS ialah sebagai sebuah parti yang sentiasa mengutamakan rakyat Sarawak.

**Prestasi Pentadbiran**

Berdasarkan kajian yang dibuat antara perkara penting yang dinilai dalam kajian ini adalah persepsi rakyat terhadap prestasi Perdana Menteri dan Ketua Menteri dalam mentadbir Negara dan juga Negeri Sarawak. didapati bahawa secara keseluruhannya majoriti besar responden menyatakan rasa berpuas hati terhadap pentadbiran Perdana Menteri (PM) dan juga Ketua Menteri pada tahap 67.8% dan 69.3% masing-masing. Tetapi apabila dipecahkan kepada kelompok etnik, didapati etnik Melayu dan Melanau lebih berpuas hati terhadap prestasi PM pada 83.5% dan Ketua Menteri pada 85.3%. Manakala etnik Cina mempunyai tahap sokongan terendah iaitu pada 43.7% bagi PM dan 52.0% bagi Ketua Menteri. Kedua-dua etnik Cina dan Malayu/Melanau menunjukkan tahap sokongan yang lebih tinggi terhadap Ketua Menteri berbanding dengan PM, tetapi etnik Iban menunjukkan corak persepsi yang agak berlainan yang mana kepuashatian terhadap PM (71.1%) adalah lebih tinggi daripada Ketua Menteri (69.3%).

Dari segi persepsi terhadap pentadbiran Kerajaan pula, secara umumnya 65.8% responden berpuas hati dengan cara Kerajaan Pusat menguruskan Negara Malaysia manakala 71.5% responden berpuas hati dengan cara Kerajaan GPS menguruskan Negeri Sarawak.

Kepuashatian terhadap Pengurusan Negara diperlihatkan dalam aspek-

aspek seperti pengurusan wabak covid, tadbir urus Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Ekonomi. Manakala bagi Kerajaan GPS pula, majoriti responden mengaitkan kepuashatian pentadbiran Kerajaan GPS dalam aspek-aspek pengurusan ekonomi, tadbir urus Kerajaan Negeri dan bantuan / kebajikan rakyat Sarawak.

Kajian ini turut menelusuri tahap kesediaan atau niat para pengundi untuk keluar mengundi pada 18hb ini. Secara keseluruhannya bagi 40 DUN kawasan kajian, terdapat 81.3% daripada responden keseluruhan yang berkata mereka akan mengundi dalam pilihan raya kali ini, manakala 16.09% pula menyatakan masih kurang pasti sama ada mahu keluar mengundi atau tidak. Namun kadar 81.3 peratus ini ialah penduduk setempat dan bukan mewakili pengundi di luar daerah mengundi, di bandar, di luar Sarawak atau luar Malaysia. Ini bermakna jumlah tersebut perlu ditolak sekitar 21 peratus dengan mengambil kira sentimen pengundi yang sukar untuk balik mengundi kerana tinggal di luar kawasan mengundi, kos pengangkutan maha, lebih bersedia balik pada cuti perayaan krismas dan cuti hujung tahun yang telah ditempah lebih awal. Terdapat juga menyatakan pada hari mengundi gaji belum masuk lagi dan ini menyukar. Terdapat juga menyatakan kebimbangan risiko ancaman kesihatan awam Covid-19. Dalam temubual di kawasan bandar pula khususnya pengundi Cina, ramai yang menyatakan rasa belah bahagi untuk turun mengundi kerana kurang berpuas hati terhadap prestasi Pakatan Harapan, namun tidak sampai hati untuk mengundi parti lain. Kemungkinan tidak turun mengundi atau mengundi parti kerajaan seperti SUPP adalah tinggi.

Bagi pola pengundian pula, jika dilihat dari segi populariti secara keseluruhannya yang dikaji adalah seperti berikut, GPS - 64.8%, PH - 16.5%, PSB - 15.8%, Calon Bebas - 1.8%, PBK - 0.7% dan PAS 0.4%. Ini mengikut pecahan stratum yang menyamai bilangan sebenar pengundi-pengundi di kawasan-kawasan ini. Jika dipecahkan mengikut jenis etniksiti, bagi responden-responden Melayu / Melanau, undi popular adalah seperti berikut; GPS - 89.1%, PH - 5.0%, PSB - 4.4%, PAS - 1.4% dan Calon Bebas - 0.1%

Bagi responden-responden Iban pula adalah seperti berikut ; GPS - 56.1%, PSB - 35.9%, PH - 4.8%, Calon Bebas - 2.9% dan PBK - 0.4. Manakala bagi responden kaum Cina adalah seperti berikut ; PH - 66.8%, GPS - 21.2%, PSB - 11.1%, Calon Bebas - 0.5% dan PBK - 0.5%. Bagi responden Bidayuh pula adalah seperti berikut ; GPS - 63.5%, PSB - 17.3%, PBK - 1.5% dan PH - 7.7%.

Ini menunjukkan beberapa perkara;

Pertamanya, angin perubahan dalam kalangan pengundi-pengundi Dayak sememangnya benar, tetapi masih belum ada parti politik yang benar-benar mampu meyakinkan pengundi Iban sepenuhnya. PSB dilihat sebagai pesaing terdekat paling berkaliber sebagai alternatif kepada GPS, tetapi mungkin kerana pemimpin utamanya sendiri bukan seorang Dayak, maka keyakinan pengundi-pengundi Iban agak goyah untuk mengundi PSB kali ini.

Keduanya, GPS dilihat mempunyai sokongan unggul dalam kalangan Melayu dan Melanau dan tidak goyah terutamanya pada kawasan-kawasan yang bukan Majoriti Melayu / Melanau merentasi umur dan tahap sosio-ekonomi

Ketiganya, walaupun PBK dan ASPIRASI telah membunyikan semboyan ‹kemerdekaan› Sarawak daripada persekutuan Malaysia sepanjang kempen, didapati masih terdapat kegelisahan dan kesangsian dalam kalangan pengundi untuk memberikan undi kepada PBK atau ASPIRASI kali ini, walaupun dalam kalangan pengundi Bidayuh, PBK dilihat lebih popular daripada Pakatan Harapan, namun belum tentu dapat diterjemahkan dalam bentuk undi apatah lagi kemenangan.

**Politik Identiti**

Hasil daripada kajian ini dijangka politik identiti tetap menjadi menjadi ciri budaya politik negeri Sarawak. Ini bermakna politik etniksiti masih menjadi teras pengaruh utama politik Sarawak, iaitu pengundi cenderung memilih etnik sebagai keutamaan. Politik identiti juga dilihat jelas apabila

faktor parti bernaung atau politik naungan masih memainkan peranan besar dalam menentukan sokongan dan kemenangan calon. Faktor calon juga penting namun ia bergantung kepada budaya politik setempat seperti isu orang tempatan dan calon berintegriti dan berpengalaman lebih mudah dipercayai pengundi.

Apabila GPS dijangka memenangi PRN Sarawak maka kesinambungan pembangunan, kestabilan politik dan i*nclusiveness* dijangka menjadi kunci utama landskap politik sarawak untuk bergerak ke hadapan. Namun semak dan imbang juga penting bagi memastikan pentadbiran kerajaan negeri menjadi lebih efisien.

Yang pengundi mahu pilih dan undi ialah kestabilan, kemakmuran, mampu masa depan lebih terjamin, mempunyai rekod baik dalam memimpin kawasan ditandingi dan negeri, yang mampu membawa, kehidupan yang lebih baik kepada pengundi, dasar yang lebih baik, ketelusan pemimpin dan pentadbiran, masa depan dan pilihan mereka tidak disia-siakan oleh pemimpin mereka.

Calon idaman pengundi ialah tidak sombong, kestabilan parti yang diwakili, mesra rakyat, calon ada rekod yang baik, mudah ditemui oleh rakyat biasa, tidak pilih kasih, sentiasa membantu rakyat, sering turun padang, menunaikan janji pilihan raya, sentiasa membalas teks mesej rakyat dan membawa pembangunan yang lebih besar dan berimpak tinggi kepada kawasan yang diwakili.

## Peratusan Keluar Mengundi

Sebanyak sekitar 68 peratus jumlah yang turun mengundi pada PRN Sarawak 2016. Kali ini jumlah ini dijangka turun kerana terdapat 3 faktor utama, iaitu faktor kebimbangan wabak Covid-19, waktu cuaca yang kurang menentu pada waktu tengkujuh dan faktor ramai yang memilih untuk balik menyambut perayaan Krismas dan cuti hujung tahun dan awal tahun berbanding balik pada hari mengundi yang bagi sektor kerajaan tarikh 18 hb Disember tersebut bukanlah faktor hari gaji penjawat awam dan swasta. Namun, halangan tersebut dapat diatasi apabila kempen menyeru

pengundi dibuat besar-besaran. Justeru, sekiranya mendapat peratusan undi melebihi 60 peratusan adalah satu jumlah besar dalam situasi yang dihadapi tersebut walaupun responden dalam kajian ini ramai mahu turun mengundi. SPR dan parti politik serta calon bertanding perlu memainkan peranan lebih proaktif untuk memastikan pengundi turun beramai-ramai dan meningkatkan jumlah peratusan mengundi.

**Analisis Selepas Keputusan PRN**

Ketika Pilihan Raya Negeri Melaka, Barisan Nasional memenangi 21 daripada 28 kerusi dipertandingkan. Pilihan Raya Negeri Sarawak pula menyaksikan kemenangan GPS sebanyak 76 daripada 82 kerusi yang dipertandingkan. Terkini, Pilihan Raya Negeri Johor pula, Barisan Nasional memenangi 40 daripada 56 kerusi. Berdasarkan jumlah kerusi yang dimenangi ini, terdapat petanda kedudukan pembangkang semakin lemah dan ini merupakan tamparan besar kepada Pakatan Harapan yang dahulunya dilihat sebagai kuasa besar yang mampu menggugah Barisan Nasional khususnya.Seramai 759,627 orang atau 60.67 peratus daripada pemilih berdaftar telah keluar mengundi dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-12 (PRN12).

**Erti Kekalahan Pembangkang**

Berdasarkan kekalahan berterusan pembangkang tersebut, maka dapatlah dikatakan bahawa Barisan Nasional kini kembali mendapat kepercayaan walaupun kadar peratusan mengundi rendah. Barisan Nasional cuba memulihkan imej dan kepercayaan daripada pengundi melalui manifesto-manifesto yang dikemukakan, selain kempen berterusan dari media sosial hingga program jelajah bersama pengundi. Pada kali ini, dapat dilihat BN cuba meyakinkan rakyat mereka mahu berubah dan membuat terbaik.

BN menggunakan pemerintahan PH selama 22 bulan sebagai senjata untuk melemahkan PH dengan menyerlahkan kegagalan-kegagalan melaksanakan manifesto yang dijanjikan. Janji pemansuhan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (*PTPTN*) yang tidak

dilaksanakan, pemotongan subsidi nelayan dan petani, janji tol dihapuskan adalah antara factor yang menyebabkan ketidakpuasan dan kemarahan penyokong PH sendiri.

**Impak Perdana Menteri Letak Jawatan**

Apabila Tun Mahathir meletak jawatan secara sukarela tanpa merujuk kepada komponen Pakatan Harapan, hal sedemikian ini membawa kesan terburuk paling besar kepada sejarah Pakatan Harapan. Begitu juga apabila parti Bersatu mengumumkan keluar daripada PH. Kesan dua peristiwa sangat teruk dan menjejaskan imej dan reputasi PH yang kononnya merupakan penyelamat rakyat daripada dibelenggu Barisan Nasional ketika itu. Sebaliknya tindak tanduk Mahathir dan Muhiyddin telah mempengaruhi persepsi rakyat dan pengundi bahawa PH penuh dengan konflik, tidak sehaluan, sukar dipercayai, mementingkan diri sendiri dan manifesto pula tidak dapat dipercayai.

Kesan persepsi inilah sebenarnya membawa kepada keruntuhan imej PH secara automatik selepas episod perletakan jawatan Tun Mahathir. Namun, ada juga yang menyatakan tindak tanduk Tun Mahathir ini dilakukan secara sengaja untuk memastikan Anwar Ibrahim tidak dapat menjadi Perdana Menteri akibat kecurigaan dan kepentingan tersendiri Mahathir dalam pola percaturan politik nasihat yang beliau sendiri lebih mengetahui punca sebenar tidak mahu Anwar menjadi Perdana Menteri lantas meletak jawatan.

Perlakuan buruk politik ini benar-benar meninggalkan kesan terhadap reputasi apabila dalam pilihan-pilihan raya negeri, rakyat mulai hilang kepercayaan kepada parti-parti dalam Pakatan Harapan. Oleh sebab itu, dapat dilihat bukan sahaja Parti Keadilan Rakyat (PKR) kurang berprestasi, malah parti Amanah dan DAP juga menanggung kesan kehilangan undi yang begitu banyak. Selain itu, parti Bersatu juga, walaupun sudah keluar dari Pakatan Harapan, tetap menerima sambutan dingin daripada pengundi akibat tindak tanduk perlakuan politik mereka sendiri ketika dalam PH. Hal ini bermakna, pengundi semakin kritis dan menterjemahkan kekecewaan mereka dalam bentuk undi.

Parti Pejuang yang ditubuhkan oleh Tun Mahathir, mantan Perdana Menteri juga menerima nasib yang sama apabila ditolak oleh rakyat dan semua kerusi yang mereka tandingi tewas teruk dan banyak kehilangan wang deposit. Inilah manifestasi penolakan rakyat terhadap perlakuan politik sebelum ini yang masih meninggalkan ingatan dan trauma yang teruk kepada rakyat. Parti Warisan yang pernah bersekutu dengan Pakatan Harapan juga menerima nasib yang sama apabila kehilangan sokongan daripada pengikut mereka sendiri, yang terbaru wakil rakyat mereka sendiri keluar parti dan mengumumkan menjadi wakil rakyat bebas kerana hilang kepercayaan kepada kepimpinan Warisan.

Apabila Warisan bertanding enam kerusi dalam PRN Johor, jelas mereka tidak diterima oleh pengundi Johor. Penolakan parti Warisan di Johor bukanlah disebabkan parti tersebut berasal dari Sabah dan dipimpin oleh pemimpin dari Sabah. Isu sebenar ialah pengundi lebih percaya parti dalam komponen Barisan Nasional yang sudah terbukti mempunyai rekod pentadbiran dan sejarah yang panjang, walaupun BN bukanlah parti yang sempurna sepenuhnya, namun kalangan parti-parti atau blok yang bertanding, BN dilihat lebih stabil, bersatu, harmoni dan meyakinkan berbanding parti-parti lain.

**Undi atas Pagar**

Protes penyokong pembangkang sendiri sangat jelas apabila jumlah turun mengundi pada Pilihan Raya Umum 2018 adalah sebanyak 82.3 peratus rakyat Malaysia mengundi. PRN Melaka pula jumlah turun mengundi adalah sebanyak 65.8 peratus, manakala PRN Sarawak pula sebanyak 60.6 peratus, manakala dalam PRN Johor adalah hanya 54.9 peratus yang turun mengundi. Sekiranya mengambil contoh PRN Melaka misalnya, terdapat 29 peratus pengundi Cina tidak turun mengundi, Begitu juga pengundi India juga tidak mengundi sebanyak 29 peratus. Pengundi Melayu di Melaka pula 5 peratus yang tidak turun mengundi.

Peratusan yang tidak turun mengundi tersebut sekitar 20 hingga 30 peratus dan jumlah peratus tersebut, khususnya pengundi bukan Melayu

dapat dikategorikan sebagai undi atas pagar yang sebelum itu, telah turun mengundi pada Pilihan Raya Umum 2018. Ketidakhadiran pengundi atas pagar yang sebelum ini telah membuat keputusan untuk menyokong PH sudah pasti mempunyai sebab rasional, justifikasi dan pendirian tertentu. Sudah pasti faktor terbesar pengundi tersebut tidak turun mengundi kerana memprotes PH yang dilihat mereka tidak berjaya memenuhi impian dan harapan mereka apabila memerintah cuma 22 bulan sahaja selepas diberikan kepercayaan dan mandat daripada rakyat. Ketidakselesaan pengundi atas pagar inilah menjadikan tidak turun mengundi sebagai pilihan mereka dan sebahagian besar mereka tidak mahu mengundi parti Barisan Nasional.

Berdasarkan situasi ini maka, undi yang berbaki kalangan yang turun mengundi ialah pengundi atau penyokong tegar Barisan Nasional, dan sedikit undi penyokong tegar pembangkang yang tetap menyokong pembangkang walau apa-apapun terjadi. Jelas, factor inilah mengakibatkan peratusan undi popular setiap parti, tanpa mengira blok parti yang bertanding, tidaklah terlalu besar beza kalangan mereka yang bertanding tersebut.

## Masa Depan Pembangkang

Ternyata selagi pembangkang tidak bersatu, selagi itulah juga pembangkang sukar untuk kembali di negeri-negeri yang pernah mereka kuasai. Pembangkang juga perlu membentuk pakatan yang lebih strategik dan bersifat realistik dalam pengagihan kerusi. Terdapat parti pembangkang baru yang belum mendapat tempat di hati pengundi, sebaliknya hanya popular di media social, akan tetapi mahu bertanding dalam banyak kerusi. Sikap tidak realistik ini menyebabkan kerusi tidak dapat diagihkan secara adil. Malah, ada parti pembangkang yang berasa parti mereka sahaja popular, manakala parti lain tidak popular, lantas mahu bertanding dalam banyak kerusi pilihan raya. Terdapat juga parti pembangkang yang seolah-olah menjadi wakil kepada suara anak muda, walaupun parti-parti pembangkang lain sudah lama aktif dalam membangkitkan suara

anak muda. Hal seumpama ini menjadi hubungan sesama pembangkang menjadi dingin dan sukar untuk bekerjasama mencapai hasrat bersama.

Ternyata strategi memburuk-burukkan parti lawan tanpa penyelesaian yang kukuh tidak akan mampu membawa impak positif kepada pengundi. Malah, sikap suka memburuk-burukkan lawan tanpa tawaran-tawaran yang lebih baik dan realistik menjadikan pengundi berasa mual, jelik dan marah seolah-olah kurang matang dalam berpolitik. Hal ini menyebabkan penyokong lama mereka pun kadangkala menjauhi dan tidak lagi menyokong mereka. Inilah antara pengajaran yang perlu diambil perhatian pembangkang.

**NOTA: Kajian Rentas Universiti Sarawak Memilih 2021**

Sekumpulan ahli akademik yang berasal dari Sarawak melakukan penyelidikan lapangan di Sarawak bagi meninjau pola pengundian, jangkaan dan analisis persepsi rakyat menjelang pilihan negeri Sarawak 2021. Kelompok ahli akademik ini terdiri daripada etnik Melayu/ Melanau, Iban, Bidayuh, Orang Ulu yang mempunyai lebih dekat dengan akses kepada etnik masing-masing untuk mendapatkan segala pandangan, kritikan dalam melakukan kajian kumpulan fokus di kawasan etnik bumiputera khususnya. Ini adalah antara inti laporan daripada Profesor Madya Dr Awang Azman Awang Pawi dari Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL) dengan Kerjasama ASTRO AWANI memimpin kajian rentasan universiti bersama UKM dan UNIMAS baru-baru ini. Kajian ini melibatkan 2,190 responden soal selidik dan in-depth interview bersama lebih 450 informan secara individu dan fokus group serata tempat di Sarawak.

Bagi mendapatkan jumlah responden lebih ramai, maka kajian DUN digenapkan ke 20 DUN terpilih berdasarkan kriteria situasi semasa dalam pergolakan politik semasa di Sarawak ketika itu. Kajian ini adalah bahagian daripada laporan awal dan dapatan kerja lapangan di Sarawak. Terima kasih atas kerjasama ASTRO Awani dan pihak-pihak lain yang banyak membantu menjayakan kaji selidik ini.

**Glosari:** Carpet Bombing ialah Istilah yang merujuk kepada pemberian hadiah atau sagu hati berupa wang ringgit, minuman dan makanan, apa-apa sahaja berbentuk material. Acara hiburan juga ialah antara contoh bagi memberikan rasa kegembiraan, keseronokan dan dipercayai dapat mengubah sikap pengundi.